

**SOHIH
AL-BUKHARI
PENYUSUNAN,
KEDUDUKAN, KELEBIHAN
DAN KEISTIMEWAANNYA**

Tajuk

**Sohih Al-Bukhari
Penyusunan, Kedudukan, Kelebihan dan
Keistimewaannya**

Dr. Taqiyuddin An-Nadawi Al-Madzahiri

Penterjemah
Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

Cetakan Pertama: 2010M / 1431H

Hakcipta terpelihara.

ISBN 978-983-43884-9-2

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin daripada pihak penerbit iaitu

Majlis Agama Islam Negeri Johor

Diterbitkan oleh:
Majlis Agama Islam Negeri Johor
Pusat Islam Iskandar Johor,
Jalan Masjid Abu Bakar,
Karung Berkunci 725,
80990 Johor Bahru.

Dicetak oleh:

Master Gifts Sdn Bhd
019-7777662

DR. TAQIYUDDIN AL-NADAWI AL-MADZAHIRI

صحيح البخاري
تأليفه ومكاته - فضائله وخصائمه

**SOHIH
AL-BUKHARI
PENYUSUNAN, KEDUDUKAN,
KELEBIHAN DAN
KEISTIMEWAANNYA**

Penterjemah
Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari

**KATA-KATA ALUAN
S.S. MUFTI NEGERI JOHOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ . وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

Saya bersyukur kehadiran Allah SWT kerana diberikan peluang untuk merakamkan sepatah dua kata dalam buku Sohih Al-Bukhari: Susunan, Kedudukan, Kelebihan dan Keistimewaannya.

Buku ini membincangkan mengenai dorongan yang menyebabkan Imam Al-Bukhari mengumpulkan hadis-hadis sohih, cara penyusunan dan tempoh penyusunannya, kedudukan kitab ini dibandingkan dengan kitab-kitab hadis yang lain, bilangan perawi, riwayat yang dipertikai oleh ulama hadis yang lain, ciri-ciri keistimewaan yang terdapat dalam kitab sohihnya, urutan hadis dan lain-lain lagi.

Dalam kitab sohihnya, Imam Al-Bukhari menggunakan pendekatan memberi kepercayaan dan keyakinan kepada pembaca mengenai hadis-hadis sohih dalam kitabnya. Al-Hafiz Ibn Hajar umpamanya dalam pengantar kitab Fathul Bari mengakui bahawa Imam Al-Bukhari beriltizam dengan hadis sohih, beliau tidak memasukkan dalam kitabnya kecuali hanya hadis-hadis yang sohih sahaja.

Semoga buku ini dapat memberikan maklumat dan kefahaman kepada masyarakat mengenai Imam Al-Bukhari melalui kitab hadisnya Al-Jami' Al-Sohih yang biasa disebut dengan nama Sohih Bukhari.

Sekian

(DATO' HAJI M. TAHRIR BIN DATO' HAJI SAMSUDIN)
Mufti Negeri Johor

Jabatan Mufti Johor
20 September 2010.

KANDUNGAN

➤	Penyusunan Sohih Al-Bukhari – Mukadimah	7
➤	Pendorong untuk mengarang kitab	9
➤	Pendekatan Al-Bukhari mengarang Sohih Bukhari	10
➤	Jangka masa mengarang kitabnya	11
➤	Kelebihan dan pujian	13
➤	Kedudukan Sohih Al-Bukhari antara Al-Quran dan sunnah	15
➤	Kedudukan Sohih Al-Bukhari antara hadis yang enam (sunan sittah) dari segi pembelajaran	17
➤	Penilaian antara dua hadis sohih	18
➤	Imam Al-Bukhari Dan Imam Muslim Tidak Menyusun Semua Hadis Sohih Dan Tidak Memastikan Sedemikian	23
➤	Bilangan riwayat Sohih Al-Bukhari	24
➤	Tujuan Imam Al-Bukhari dalam sohihnya	27
➤	Syarat Imam Al-Bukhari dalam kitab sohihnya	30
➤	Riwayat Imam Al-Bukhari yang dipertikai	36
➤	Komen ke atas setengah perawi dalam sohihnya	40
➤	Keistimewaan sohih Al-Bukhari	43
➤	Penyusunan kitabnya	49
➤	Bab dan riwayat hidup dalam sohihnya	50
➤	Penyusunan bab dan riwayat hidup	51
➤	Perawi yang di ketepikan (nasakh al-kitab)	54
➤	Kitab sanad (perawi) hadis	56
➤	Huraian mengenai Sohih Al-Bukhari	58
➤	Rujukan	67



PENYUSUNAN SOHIH AL-BUKHARI

Mukadimah

Kitab-kitab hadis sebelum zaman Imam Al-Bukhari masih bercampur aduk antara hadis yang sohih dengan yang lain, di mana orang tidak dapat mengenal pasti status hadis tersebut sama ada hadis itu sohih mahupun bukan, kecuali setelah mengkaji keadaan perawi dan lain-lain lagi yang dapat dipastikan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh ulama hadis. Jika sekiranya tidak dapat dipastikan, terpaksa ia dirujuk kepada ulama-ulama hadis, itu pun jika sekiranya ada ulama yang boleh dirujuk, jika tidak, kekalah ia dalam keadaan yang sedia ada tanpa diketahui kedudukan hadis yang sebenar.

Imam Al-Bukhari merupakan pelopor dan ejen perubahan dalam pengumpulan ilmu hadis. Beliau telah berusaha mengasingkan hadis-hadis sohih dengan hadis yang lain, dengan pendekatan yang berbeza berbanding ulama-ulama hadis sebelumnya iaitu menyatukan hadis-hadis sohih dalam satu kitab yang khusus demi menyelesaikan masalah ketidakpastian taraf sesebuah hadis. Beliau menyusun hadis-hadis sohih ini dalam kitab yang diberi nama: (Al-Jami' Al-Musnad Al-Sohih Al-Mukhtasar Min Umuri Rasulillah SAW wa Sunnatihi wa Aiyamihi). "Himpunan sanad yang sohih lagi padat mengenai hadis Rasulillah SAW, sunnah dan kehidupannya".

Dalam hubungan ini, Syeikh Tahir Al-Jazairi menjelaskan: Bahawa dari perkataan Al-Jami' (himpunan/rangkuman) yang

menjadi tajuk kitab Imam Al-Bukhari itu dapat dikenal pasti bahawa dalam himpunan hadisnya beliau tidak mengkhususkan satu-satu perkara sahaja. Lantaran itu kandungannya terdapat hadis mengenai hukum-hukum, kelebihan-kelebihan, peristiwa-peristiwa masa lalu dan yang akan datang. Demikian juga mengenai sastera dan kelebihan-kelebihan.

Manakala perkataan Sohih (semuanya betul) bermakna tidak terdapat di dalam kitab ini hadis-hadis yang lemah atau dhaif sekalipun terdapat teguran di beberapa tempat tertentu, tetapi ia telah diperjelaskan mengenai kedudukannya yang sebenar. Ini membuktikan apa yang dijelaskan sendiri oleh Imam Al-Bukhari, bahawa dalam kitab ini tidak ada satu pun hadis yang tidak sohih di dalamnya.

Manakala perkataan Al-Musnad (perawi atau sandaran hadis) bermaksud ianya adalah tulil di mana hadis yang diambilnya itu sanadnya bersambung terus dengan para sahabat daripada Nabi SAW, sama ada percakapan atau ucapannya, perbuatannya dan juga pengakuan nabi SAW. Lantaran itu, apa juga yang terdapat di dalam kitab ini selain daripada yang diisebutkan di atas, ia merupakan perkara baru yang diadakan atau yang mendatang bukan yang asal sebagaimana yang dimaksudkan.

Al-Hafiz Ibnu Hajar menyimpulkan, bahawa apa yang terkandung di dalam kitab itu semuanya adalah yang betul belaka berdasarkan kepada namanya iaitu (Al-Jami' Al-Sohih) himpunan yang kesemuanya betul.

Dalam hubungan ini, Imam Muslim bin Al-Hajjaj telah mengikut jejak langkah Imam Al-Bukhari dengan meniru pendekatannya seperti pengambilan hadis, teknik-teknik yang digunakan dan sebagainya untuk menyusun kitabnya yang terkenal iaitu kitab (Sohih Muslim). Justeru itu, kedua-dua kitab hadis yang dikarang oleh Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim digelar sebagai hadis sohih berdasarkan kretiria yang digunakan oleh kedua-duanya.

Pendorong Untuk Menyusun Hadis

Al-Hafiz Ibnu Hajar menceritakan bahawa pendorong utama Imam Al-Bukhari untuk menyusun hadisnya adalah didorong oleh ungkapan gurunya bernama Ishak bin Rahawih. Beliau merupakan guru Imam Al-Bukhari yang alim dalam ilmu hadis dan fikah. Ibn Rahawih pernah bertanya kepada Imam Al-Bukhari, alangkah eloknyanya kalau kamu boleh kumpulkan hadis-hadis sohih Rasulullah SAW dalam satu kitab. Ungkapan tersebut telah menyentuh hati sanubari Imam Al-Bukhari, lalu beliau mengumpulkan hadis-hadis sohih dalam satu kitab iaitu (Al-Jami' Al-Sohih).

Imam Al-Bukhari sendiri pernah meriwayatkan kepada kami, bahawa beliau bermimpi berjumpa dengan Nabi SAW, beliau duduk di hadapan baginda, di tangannya terdapat minyak untuk digosokkan ke badan (maruhatun adzzaba bihaa anhu), lalu beliau menanyakan kepada pentakbir mimpi, (anta tazubbu anhul kaziba) kamu juga terlibat dalam pembohongan mengenai Rasulullah SAW, inilah yang mendorong beliau untuk menyusun Al-Jami' Al-Sohih.

Pendekatan Imam Al-Bukhari Mengarag Sohinya

Al-Firabri mendengar Imam Al-Bukhari berkata, sebelum beliau meletakkan sesuatu ke dalam kitab Al-Jami' Al-Sohih, terlebih dahulu beliau mandi sebelum solat sunat dua rakaat. Tambahnya Imam Al-Bukhari lagi, kitab ini mengandungi enam ratus ribu (600,000) hadis yang diusahakan selama (16) tahun dan beliau menjadikannya sebagai amal baktinya kerana Allah untuk umat Islam.

Manakala Umar bin Muhammad bin Bujair Al-Bujairi Al-Samarkandi mendengar Imam Al-Bukhari berkata: Beliau menyusun kitab Al-Jami'nya itu di Masjid Al-Haram. Beliau tidak memasukkan satu-satu hadis itu kecuali setelah beliau solat Istikharah dua rakaat terlebih dahulu untuk meminta pertunjuk daripada Allah SWT dan beliau yakin benar kesohihannya.

Al-Hafiz pula menambah, bahawa Imam Al-Bukhari menyusun kitabnya itu di Bukhara negerinya, cuma beliau mula menulis dan menyusunnya di Masjid Al-Haram kemudian beliau menganalisa hadis-hadis itu di tanah airnya dan di tempat-tempat lain. Ini dibuktikan bahawa beliau menyusun kitabnya selama (16) tahun dan beliau tidak menghabiskan sepanjang masanya itu di Mekah sahaja.

Manakala Ibn 'Adiy meriwayatkan daripada sekumpulan ulama hadis, bahawa Imam Al-Bukhari menyusun kitabnya Al-Jami' semasa berada antara makam Nabi SAW dan mimbarinya di Masjid Al-Nabawi, di mana beliau solat dua rakaat terlebih dahulu sebelum memasukkan satu-satu hadis ke dalamnya. Usaha ini memungkinkan ia dibuat nukilan terlebih dahulu kemudian apabila kembali ke tanah airnya ditulis semula dengan cara yang lebih sempurna. Ini juga tidak menafikan pendapat yang lalu kerana berkemungkinan beliau menulis kitabnya sebahagiannya di Mekah dan sebahagian lagi di kampung halamannya.

Diriwayatkan daripada Abdul Quddus bin Humam mengataka, beliau mendengar beberapa orang ulama hadis mendakwa Imam Al-Bukhari menyusun kitabnya antara makam Nabi dan mimbarinya di Madinah Al-Munawarah, yang lain pula mendakwa termasuk Abu Al-Fadhl Muhammad bin Tahir Al-Maqdisi¹ Imam Al-Bukhari menyusun kitabnya di Bukhara, yang lain mengatakan di Mekah, yang lain pula mengatakan di Basrah dan lain-lain. Kesemua dakwaan itu adalah betul, bermakna beliau menulis kitabnya di semua negeri yang beliau tinggal itu sedikit demi sedikit di mana ia mengambil masa selama 16 tahun lamanya.

¹ Muhammad bin Tahir bin Ali bin Ahmad Al-Maqdisi Al-Syaibani Abu Fadhl. Beliau seorang pelayar dan ahli sejarah serta penghafaz hadis, banyak buku karangannya. Dilahirkan di Baitul Maqdis pada tahun 448 Hijrah dan wafat pada tahun 507 Hijrah di Baghdad.

Jangka Masa Penyusunan Kitab

Ketika Imam Al-Bukhari selesai menyusun kitabnya Al-Jami' Al-Sohih, beliau telah membentangkan kitabnya itu kepada Yahya bin Mu'in, Ali bin Al-Madini dan Ahmad bin Hanbal. Ibn Mu'in wafat pada tahun 233 Hijrah, Ibn Al-Madini pada tahun 234 Hijrah dan Ahmad Hanbal pada tahun 241 Hijrah sebagaimana disebutkan dalam kitab Al-Taqrib.

Berdasarkan kepada kenyataan ini, Imam Al-Bukhari selesai menyusun kitabnya sebelum tahun 233 Hijrah. Dalam kitab Al-Tadrib, Al-Iraqi² mengatakan, riwayat Hamad bin Syakir³ berbeza dengan riwayat Al-Firabri sebanyak 200 hadis. Riwayat Ibrahim bin Ma'qal⁴ berbeza dengan riwayat kedua-dua perawi di atas sebanyak 300 hadis. Ini bermakna Imam Al-Bukhari menyusun kitabnya satu selepas satu mengikut kelapangan. Jika kita terima beliau selesai menyusun kitabnya sebelum tahun 233 Hijrah dan masa menyusun kitabnya selama 16 tahun, apa yang boleh dikatakan bahawa beliau mula menyusun kitabnya itu pada tahun 217 Hijrah di mana umurnya ketika itu baru 23 tahun.

² Abd Rahim bin Al-Husain bin Abd Rahman Abu Al-Fadhl terkenal dengan nama Al-Hafiz Al-Iraqi. Dilahirkan di Al-Kurd tahun 725 Hijrah. Beliau merupakan seorang ahli penyelidik dari kalangan penghafaz hadis. Semasa kecilnya mengaji di Mesir dan membesar di sana, kemudian beliau kembali ke Kurd selepas beberapa ketika beliau kembali semula ke Mesir dan wafat di sana pada tahun 806 Hijrah. Antara kitabnya ialah Al-Mughni 'an Hamli Al-Asfar fi Al-Asfar iaitu menganalisa hadis-hadis dalam kitab Ihya' Ulumiddin oleh Imam Al-Ghazali.

³ Salah seorang periwayat hadis sohih yang lima di mana perawinya menjadi sumber rujukan orang ramai, wafat pada tahun 310 Hijrah.

⁴ Ibrahim bin Ma'qal bin Al-Hajjaj Al-Allamah Abu Ishak Al-Nasafi. Seorang kadi dan ulama di Nasaf, seorang ahli fikah, hafaz hadis, cekap mengenai perbezaan pandangan para ulama, warak dan terlalu prihatin, beliau salah seorang periwayat Hadis Bukhari, wafat pada tahun 295 Hijrah.

Kelebihan dan Pujian

Pujian yang diterima oleh Imam Al-Bukhari tidak terkira banyaknya. Al-Qostholani umpamanya mengatakan: Bahawa kelebihan Imam Al-Bukhari ialah beliau menyusun kitab yang paling sohih dan diiktiraf dalam bidang hadis, dan diterima oleh semua ulama hadis di semua tempat dan masa. Karangannya mengatasi kitab-kitab yang banyak dikarang dalam pelbagai bidang dan jurusan. Kitab ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri jika dibandingkan dengan kitab-kitab yang lain. Ini membuktikan kecekapan, kehebatan dan kepakarannya yang tinggi, di mana faedahnya begitu besar tidak terkira dalam menentukan kesohihan sesuatu hadis yang menjadi rujukan umat Islam di seluruh dunia.

Adz-Zahabi dalam kitab (Tarikh Al-Islam) mengatakan, bahawa Al-Jami' Al-Bukhari Al-Sohih merupakan kitab yang paling hebat dan paling unggul sekali selepas Al-Quran, ia merupakan kitab karangan manusia yang paling unggul di zaman ini.

Abu Zaid Al-Maruzi berkata, beliau tidur antara makam Nabi dan tiang di Masjid Nabawi, beliau bermimpi berjumpa dengan Nabi SAW lalu bersabda kepadanya, wahai Abu Zaid, sejak bila engkau mempelajari kitab Al-Syafi'i, sedangkan engkau tidak mempelajari kitabku? Beliau menjawab, Ya Rasulullah, apakah kitabmu itu? Sabdanya, Jami' Muhammad bin Ismail Al-Bukhari.

An-Nasai pula berkata, kitab hadis yang paling unggul sekali ialah kitab Imam Al-Bukhari. Imam Al-Bukhari sendiri berkata, beliau tidak meletakkan satu-satu hadis dalam kitabnya sebelum beliau mandi dan solat sunat dua rakaat terlebih dahulu, dan beliau berdoa semoga Allah memberkati kitab susunannya itu.

Al-Syeikh Abu Muhammad Abdullah⁵ bin Abi Jamrah mengatakan, sesiapa sahaja dari kalangan orang-orang alim yang

⁵ Abdullah bin Saad bin Abi Jamrah Al-Azadi Al-Andalusi merupakan salah seorang ulama hadis berasal dari Andalusia wafat di Mesir tahun 695 Hijrah, meringkaskan

ditemuinya mengakui kehebatan kitab Imam Al-Bukhari. Kata mereka, bahawa Sohih Al-Bukhari apabila dibaca semasa dalam kesusahan ia akan dapat membantu melepaskan kesusahan itu, sekiranya menghadapi masalah semasa belayar di laut nescaya akan diselamatkan, dikatakan juga bahawa ia mudah diperkenankan doanya kerana Imam Al-Bukhari telah berdoa terlebih dahulu untuk pembacanya.

Al-Hafiz Ibn Kathir mengatakan bahawa dengan membaca kitab Sohih Al-Bukhari boleh digunakan untuk mohon diturunkan hujan, sepakat ulama diperkenankan doanya dan dengan mengamalkannya umat Islam akan berada dalam keadaan yang baik. Al-Syeikh Ibn Taimiyah⁶ pernah mengatakan bahawa tidak ada di muka bumi ini satu kitab yang paling sohih selain daripada kitab Sohih Al-Bukhari dan Muslim selepas Al-Quran.

Imam Waliyullah Al-Dahlawai dalam kitabnya (Hujjatullah Al-Balighah) mengatakan, adapun kitab sohihain (sohih Al-Bukhari dan Muslim) telah disepakati oleh semua ulama hadis bahawa apa yang terkandung di dalamnya sama ada hadis muttasil (bersambung) dan marfu⁷ memang dipastikan sohih kesemuanya, kedua-dua kitab ini mutawatir kepada kedua orang penyusunnya, sesiapa yang mengabaikan kedua-dua kitab ini bermakna mereka mengikuti jalan orang-orang bukan beriman.

kitab Al-Bukhari dan huraianya dalam kitab yang dinamakan Bahjah Al-Nufus (keheningan jiwa).

⁶ Ahmad bin Abdul Halim bin Abdul Salam Al-Harrani Al-Dimasyqi Al-Hanbali Abu Abas Taqiyuddin. Beliau dilahirkan di Harran tahun 661 Hijrah dan wafat tahun 728 Hijrah. Seorang imam digelar juga syeikh Al-Islam, dibawa oleh bapanya ke Damsyik, membesar sana dan menjadi seorang yang alim, pitah berbicara, terkenal sebagai seorang pendakwah, beliau mempunyai ramai penentang lalu beliau dipenjara di Mesir dan di Damsyik. Beliau banyak mengarang kitab seperti Al-Fatawa, Minhaj Al-Sunnah dan Al-Iman.

⁷ Apa yang disandarkan kepada Nabi SAW dari segi perkataan atau perbuatan atau pengakuan atau sifat kejadiannya atau akhlaknya sama ada bersifat secara muttasil (bersambung) atau munqati' (terputus) (Penyusun).

Kedudukan Al-Jami' Al-Sohih antara Al-Quran dan Sunnah

Para ulama sepakat mengatakan bahawa Jami' Al-Bukhari begitu agung dan unggul dari kalangan semua kitab hadis, malahan kitab yang paling sohih selepas Al-Quran. Bukanlah kesepakatan umat dan ulamanya ke atas kesahihan hadis Al-Bukhari dan kelebihanannya ke atas kitab-kitab yang lain itu berlaku secara spontan atau secara kebetulan, ia juga bukan secara kesepakatan yang ada kepentingan tertentu, malahan ia merupakan perkara yang diilhamkan oleh Allah SWT sebagai ganjaran kepada penulisnya yang telah berusaha menghafal hadis-hadis Nabi dan usahanya mengenal pasti perawi dan periwayat hadis.

Imam Al-Nawawi dalam kitab (Al-Taqrib) mengatakan, pengarang yang mula-mula sekali menyusun hadis-hadis sohih ialah Imam Al-Bukhari dan Muslim, kedua-dua kitab ini merupakan kitab yang paling sohih selepas Al-Quran, Sohih Al-Bukhari yang paling sohih diikuti Sohih Muslim, inilah pendapat jumhur ulama.

Diriwayatkan bahawa Imam Al-Syafi'i pernah berkata, beliau tidak pernah mengetahui sebuah kitab yang paling sohih di muka bumi ini selain daripada kitab yang dikarang oleh Imam Malik. Dalam satu riwayat yang lain, tidak ada kitab yang paling sohih selepas Al-Quran selain daripada kitab Muwattho' karangan Imam Malik, pendapat ini dinyatakannya sebelum terbitnya kedua-dua kitab tersebut.

Al-'Allamah Al-Syeikh Muhammad Zakaria, seorang ulama hadis terkenal menjelaskan, kenyataan di atas memanglah benar. Imam Syafi'i wafat pada tahun 204 Hijrah, sedangkan Imam Al-Bukhari ketika itu baru berumur sepuluh (10) tahun dan Imam Muslim pula dilahirkan pada tahun itu juga. Persoalannya di mana kitab kedua-dua tokoh itu? Imam Al-Bukhari menyusun kitabnya sekitar tahun 217 hingga 233 Hijrah sebagaimana dijelaskan sebelum ini. Manakala Imam Muslim pula menyusun sohihnya

pada tahun 250 Hijrah sebagaimana yang dipastikan oleh Al-Iraqi. Diceritakan oleh Al-Suyuthi⁸ dalam kitab (Al-Tadrib), lama masa penyusunan kitabnya itu ialah lima belas (15) tahun.

Kesimpulannya, Sohik Al-Bukhari mempunyai martabat yang paling tinggi sekali dari segi kesohihan dan sebagainya mengikut jumhur ulama, kemudian diikuti oleh Sohik Muslim, kemudian sunan Imam Abu Daud. Ini sebagaimana diputuskan dalam kitab (Miftah Al-Sa'adah) kunci kebahagiaan, yang mengatakan bahawa pemimpin yang menjadi ikutan dalam bidang penulisan selepas Imam Malik ialah Imam Al-Bukhari diikuti dari segi taraf kedudukannya ialah kitab Muslim, seterusnya Abu Daud, kemudian Abu Isa Al-Tirmizi dan Abu Abdul Rahman Al-Nasa'i.

Demikian juga disepakati mengenai kesohihan tertib kitab hadis sebagaimana dalam kitab (Nail Al-Amani) mengikut pendapat Al-Qostholani mengatakan, urutan taraf (sunan sittah) kitab hadis yang enam selepas Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim ialah Sunan Abi Daud, Al-Tirmizi, Al-Nasai dan Ibnu Majah, walaupun ada setengah ulama hadis yang berbeza pendapat.

⁸ Abdul Rahman bin Abu Bakar Jalaluddin Al-Ssuyuthi merupakan seorang imam, hafiz, ahli sejarah dan sasterawan, mempunyai 600 buah kitab, dibesarkan di Kaherah, manakala berumur empat puluh (40) tahun mula mengasingkan diri daripada orang ramai, antara kitabnya ialah Tarikh Al-Khulafa', Al-Itqan fi Ulum Al-Quran, Al-Khasois Al-Kubra dan lain-lain. Beliau di lahirkan di Kaherah pada tahun 849 Hijrah dan wafat tahun 911 Hijrah.

Kedudukan Al-Jami' Al-Sohih Antara Hadis Sohih Yang Enam Dari Segi Pembelajaran

Al-'Allamah Al-Syeikh Muhammad Zakaria mengatakan bahawa yang paling tepat pada pandangannya mengenai susunan apa yang dihasilkan dalam kitab sohih itu didahulukan Imam At-Tirmizi kemudian Abu Daud kemudian Imam Al-Bukhari kemudian Imam Muslim kemudian Al-Nasa'i, Ibnu Majah kemudian Al-Muwattho'. Ini kerana orang yang mempelajari hadis apa yang diperlukan pertama sekali ialah menentukan hala tuju (mazahib) dan jenis-jenis hadis kemudian dalil mengenainya, cara istinbat hadis, mengumpulkan perawi kemudian melihat hadis yang dhaif, sokongan melalui athar, demikianlah peranan kitab-kitab hadis tersebut. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa peranan:

1. At-Tirmizi menjelaskan mazhab dan jenis-jenis hadis.
2. Abu Daud menghimpunkan dalil-dalil ulama hadis.
3. Imam Al-Bukhari mengenai cara istinbat hadis.
4. Imam Muslim mengumpulkan pelbagai riwayat.
5. An-Nasa'i membicarakan mengenai ilal atau kecacatan hadis; dan
6. Ibnu Majah membicarakan hadis yang sohih dan yang dhaif.

Kata Syeikh Muhammad Zakaria lagi, apa yang biasa diamalkan di negaranya - India - pertama sekali mempelajari kitab (Misykat Al-Masobih) dengan teliti dan tahqiq, kemudian pada tahun kedua barulah mempelajari kitab (Al-Sohhah Al-Sittah) hadis yang enam mengikut susunan yang dijelaskan di atas di mana ia dikenal dengan (Daurah Al-Hadis) tertib hadis.

Penilaian Antara Kitab Dua Hadis Sohoh

Abi Ali Al-Naisaburi⁹ seorang hakim di Naisabur meriwayatkan daripada setengah ulama Al-Maghrib katanya, tidak ada di muka bumi ini kitab yang lebih sohoh selain Sohoh Muslim. Ini pendapat ulama Magrib yang mendahulukan kitab Sohoh Muslim daripada kitab Sohoh Al-Bukhari. Jika sekiranya kitab Muslim lebih tepat dan tidak ada sebarang campuran, ia merupakan satu pendapat yang tidak tepat. Jika sekiranya kitab ini sohoh belaka tanpa campuran seperti apa yang terdapat dalam kitab Al-Bukhari maka pendapat ini boleh diterima dan tidak mengapa. Tidak boleh diterima daripadanya bahawa kitab Imam Muslim itu sah sebagai paling sohoh ia adalah pendapat yang ditolak ke atas mereka yang mengatakan demikian.

Syeikh Al-Islam Ibn Hajar berkata, pendapat Abi Ali yang mengatakan kitab Imam Muslim itu lebih sohoh daripada kitab Imam Al-Bukhari bercanggah dengan pendapat Al-Syeikh Muhyiddin dalam kitab (Mukhtasar). Dalam kitab (Muqaddimah Syarah Al-Bukhari) memberikan pengertian ia menafikan yang kitab Muslim itu lebih sohoh daripada kitab Imam Al-Bukhari. Kerana ia tidak boleh diisbatkan walaupun dimaksudkan sedemikian. Mungkin juga mahu mengatakan tarafnya adalah sama sebagaimana hadis:

مَا أَظَلَّتْ الْحَضْرَاءُ، وَلَا أَقَلَّتْ الْعُبْرَاءُ أَصْدَقُ لَهْجَةٍ مِنْ أَبِي ذَرٍّ.¹⁰

Ini tidak bermakna bahawa Abi Dzar itu bukanlah orang paling benar dari kalangan semua para sahabat dan juga orang-

⁹ Al-Husain bin Ali bin Yazid bin Daud Al-Naisaburi dilahirkan pada tahun 277 Hijrah dan wafat pada tahun 349 Hijrah di Al-Naisabur. Beliau merupakan seorang ulama dan hafiz yang terkenal, syeikh dan hakim di Naisabur serta banyak kitab karangannya.

¹⁰ Riwayat Ahmad dalam Al-Musnad 2/175 dan 223; Al-Tirmizi bil. 3803 Manaqib Abi Dzar; Ibn Majah dalam Al-Muqadimah bil. 156 mengenai kelebihan Abi Dzar; Al-Hakim 3/342 daripada hadis Abdullah bin Amru bin Al-'Ash ra; diriwayatkan juga oleh Ahmad 3/342; Al-Tirmizi bil 3804; Ibn Hibban bil. 2258 dipetik daripada hadis Abi Dzar ra; Ahmad 5/197 dan 6/442; Al-hakim 3/342 daripada hadis Abi Dzar, iaitu hadis sohoh.

orang yang benar, malahan menafikan yang mereka lebih benar daripadanya, ini bermakna pada mereka itu adalah serupa. Mungkin maksud pendapatnya itu hanya satu sahaja sama ada maksud yang pertama atau yang kedua.

Ibn Hajar berpendapat bahawa ungkapan Abi Saïd Al-'Ala'i itu memperlihatkan bahawa Abi Ali tidak mendalami kitab Imam Al-Bukhari. Pada pendangannya pendapat ini tidaklah tepat. Apa yang jelas dari pendapat tersebut bahawa Abi Ali mendahulukan kitab Imam Muslim dengan tujuan yang lain bukan sebagaimana yang kita bincangkan mengenai syarat-syarat yang mesti ada untuk memastikan kesohihan hadisnya; kerana Imam Muslim mengarang kitab di negerinya sendiri dengan disaksikan oleh kebanyakan guru-gurunya, maka menjaga susunan lafaz dan berhati-hati dalam penggunaan kalimah (yataharrazu fil alfadz) wayataharraa fis siyaq) berbeza dengan Imam Al-Bukhari. Berkemungkinan menyusun hadis dari hafazannya dan tidak membezakan mereka yang hafaz perawinya, ia berkemungkinan terdedah kepada keraguan. Ini dikuatkan melalui pengakuannya: "Mungkin hadis yang aku dengar di Basrah aku tulis di Syiria".

Imam Muslim tidak menghadapi tentangan sebagaimana yang dihadapi oleh Imam Al-Bukhari dari segi mengistinbat mengeluarkan hukum-hukum, (taqthi' al-ahaadiis) dan tidak mengeluarkan hadis-hadis mauquf. Dijawab: Adapun apa yang dinukil daripada setengah ulama-ulama Maghribi bukanlah bermakna apa yang dinukil daripada hafazan mereka itu sudah menentukan ianya lebih baik tentang kesohihannya, bahkan setengahnya mengatakan kelebihan itu dari segi kedudukannya yang baik, urutannya yang rapi sebagaimana yang diperkatakan oleh 'Iyadh¹¹ Ibn Mulqin¹² mengatakan, beliau melihat setengah

¹¹ Iyadh bin Musa Al-Yahsobi Al-Sabti. Beliau merupakan tokoh ulama Maghrib dan ulama hadis di zamannya, menjawat jawatan kadi di Sabtah kemudian di Gharnatoh. Kitab karangannya ialah Al-Syifa bi Ta'rif Huquq Al-Mustafa. Dilahirkan pada tahun 476 Hijrah dan wafat pada tahun 544 Hijrah.

¹² Umar bin Ali bin Ahmad Al-Anshori Al-Syafi'i Sirajuddin Abu Hafz dikenal dengan nama Ibn Al-Mulqin. Beliau merupakan tokoh ulama hadis, fikah dan sejarah perawi hadis (al-rijal) berasal dari Andalusia, banyak karangan bukunya, dilahirkan di Kaherah pada tahun 723 Hijrah dan wafat pada tahun 804 Hijrah.

golongan mutakhir berpendapat, bahawa kedua-dua kitab itu adalah sama, ini adalah pendapat ketiga. Diceritakan oleh Al-Thufi¹³ dalam kitab (Syarah Al-Arbain) dan Al-Qurthubi agak cenderung dengan pendapatnya. Begitulah yang dicatat dalam kitab (Al-Tadrib).

Al-Syeikh Tahir Al-Jazairi dalam kitab (Taujih Al-Nadzar) berkata, mereka yang cenderung memilih kitab Imam Al-Bukhari ke atas kitab Imam Muslim dari segi kesohihannya perlu membuktikan dakwaannya. Mereka mengatakan, bahawa skop (madar) kesohihan hadis itu ada tiga perkara, iaitu: Keyakinan mengenai perawi, sanad yang bersambung-sambung dan selamat daripada kecacatan yang menonjol. Pada pendapatnya, kajian menjelaskan bahawa kitab Imam Al-Bukhari itu lebih unggul daripada tiga syarat yang ditetapkan itu. Keunggulannya (rujhanuhuu) dari beberapa sudut:

Pertama: Perawi hadis yang diriwayatkan sendiri oleh Imam Al-Bukhari jika dibandingkan dengan Imam Muslim ada sebanyak 430 orang. Mereka yang didakwa dhaif sebanyak 80 orang. Sedangkan Imam Muslim mengeluarkan perawi hadis seramai 620 orang, mereka didakwa dhaif sebanyak 160 orang. Tidak syak lagi bahawa mengambil hadis dari perawi yang tidak dipersoalkan langsung itu lebih utama daripada mengambil hadis dari perawi yang dipersoalkan orang.

Kedua: Periwat hadis Al-Bukhari yang dipertikaikan orang tidak banyak meriwayatkan hadis. Kerana tidak ada seorang pun daripada mereka mempunyai kitab besar yang meriwayatkan tentang hidup mereka kecuali kitab yang dikarang oleh 'Ikramah daripada Ibn Abas¹⁴ berbanding Imam Muslim, beliau

¹³ Sulaiman bin Abdul Qawiy Al-Thufi Al-Shorshori Najmuddin Abu Al-Rabi' seorang ulama ahli fikah bermazhab Hanbali, dilahirkan di Iraq pada tahun 657 Hijrah, kemudian masuk ke Baghdad tahun 691 dan wafat pada tahun 716 Hijrah di Khalil Palestin. Beliau mempunyai beberapa buah kitab karangannya.

¹⁴ Abdullah bin Abas merupakan bapa saudara Rasulullah SAW. Beliau seorang sahabat yang mulia, umat pilihan yang paling bijak, dilahirkan di Mekah pada tahun 3 sebelum Hijrah, membesar dizaman permulaan Rasulullah menjadi nabi dan sentiasa bersama baginda. Menetap di Taif semasa umur tuanya dan wafat di sana pada tahun 68 Hijrah. Dalam hadis sohihain beliau meriwayatkan sebanyak 1,660 hadis. Beliau

meriwayatkan banyak riwayat hidup seperti Abi Al-Zubair daripada Jabir dan Suhail daripada bapanya; dan Al-'Ala' bin Abdul Rahman daripada bapanya; dan Hammad bin Salamah daripada Thabit dan lain-lain lagi.

Ketiga: Periwat-periwat hadis kepada Imam Al-Bukhari yang dipertikaikan oleh setengah orang kebanyakannya terdiri daripada guru-gurunya sendiri, yang sama-sama berbincang, dan beliau mengetahui hal keadaan mereka, mengkaji hadis-hadis mereka, membezakan mana yang baik daripada yang lain berbanding Imam Muslim yang mempertikaikan mengenai apa yang diriwayatkannya itu adalah terdiri daripada kalangan mereka yang zamannya terlebih dahulu daripada kalangan tabi'in dan sesudahnya. Tidak dinafikan bahawa orang yang memperkatakan hadis itu lebih mengetahui tentang hadis guru-gurunya daripada mereka yang terdahulu daripadanya.

Keempat: Bahawa Imam Al-Bukhari mengeluarkan hadis ditahap (al-tobaqah al-uula) paling tinggi di mana beliau begitu prihatin dan mengambil berat mengenainya. Beliau juga ada mengeluarkan hadis di tahap kedua (tobaqah al-thaniah) yang dilakukannya tanpa begitu memberikan penekanan, tetapi kebanyakan yang diriwayatkannya melalui cara ta'liq iaitu dengan digugurkan awal sanadnya seorang perawi atau lebih secara berturut-turut bahkan ada yang membuang kesemuanya. Berkemungkinan juga beliau mengeluarkan sedikit hadis di tahap ketiga (tobaqah al-salisah) melalui cara ta'liq juga.

Adapun Imam Muslim beliau membawa hadis-hadis dalam dua tingkatan iaitu dalam bentuk yang menyeluruh dan tahap ketiga yang kurang menyeluruh.

Al-Hakim Abu Ahmad Al-Naisaburi – beliau sezaman dengan Abi Ali Al-Naisaburi – dalam mukadimah mengenai cara mengenal perawi hadis (al-rijal) seperti diceritakan oleh Abu Ya'la Al-Khalili dalam kitab (Al-Irsyad) mengatakan: Imam Al-Bukhari

mempunyai kedudukan yang istimewa semasa pemerintahan Khalifah Umar bin Al-Khattab ra.

merupakan pelopor atau orang yang pertama mengumpul hadis-hadis sohih (al-usul), beliaulah orang yang menjelaskan kesohihan hadis kepada orang ramai, apa yang dilakukan oleh mereka selepas beliau adalah diambil daripada kitabnya seperti Imam Muslim yang banyak meniru daripada kitab Imam Al-Bukhari. Dalam (kitab Al-Kunni) dikatakan bahawa Imam Al-Bukhari merupakan seorang tokoh pengenal pasti dan penghimpun hadis sohih.

Sebenarnya, tidak ada kitab yang paling baik sekali dibandingkan dengan kitab Imam Al-Bukhari. Dar Al-Quthni¹⁵ berkata: Imam Muslim telah mengambil contoh daripada kitab Imam Al-Bukhari dari segi mengenal pasti perawi hadis, dengan dibuat berbagai tambahan. Banyak diperkatakan orang mengenainya bahawa Imam Muslim itu adalah murid yang mengambil ilmu daripada gurunya.

Cukuplah kesepakatan ulama hadis bahawa Imam Al-Bukhari itu lebih unggul daripada Imam Muslim dari segi ilmu pengetahuan, dan beliau lebih arif mengenai ilmu hadis, beliau diakui oleh murid-muridnya dan perawi yang ditakhrijnya yang terus menerus memberi faedah dan diikuti jejak langkahnya. Beliau diakui sebagai tokoh yang menjadi pelopor dalam bidang hadis, beliau sahaja yang dikenal dizamannya sehingga beliau berhijrah keluar daripada Al-Naisabur menyelamatkan diri kerana iri hati dan dengki terhadapnya oleh Syeikh Muhammad bin Yahya Al-Dzuhaili. Pendek kata, kelebihan Imam Muslim tidaklah dapat dinafikan kerana walaupun Imam Al-Bukhari menjadi pelopor pengumpulan hadis-hadis sohih, namun Imam Muslim berusaha memperlengkapkan hadis-hadis sohih di mana kedua-duanya bagaikan matahari dan bulan.

¹⁵ Ali bin Omar Al-Dar Al-Quthni Al-Syafi'i. Beliau merupakan tokoh ulama hadis di zamannya. Dilahirkan di Dar Qathn di bandar Baghdad pada tahun 306 Hijrah, kemudian beliau mengembara ke Mesir dan kembali semula ke Baghdad lalu meninggal dunia di sana pada tahun 385 Hijrah.

Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim Tidak Menyusun Semua Hadis Sohib Dan Tidak Memastikan Sedemikian

Ramai orang menyangka bahawa Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim (syaikhain) telah memastikan untuk meriwayatkan semua hadis-hadis sohib dalam kedua-dua kitab mereka.

Sebenarnya mereka berdua tidak berbuat demikian. Ini telah diriwayatkan daripada Imam Al-Bukhari bahawa beliau hanya memasukkan hadis-hadis yang sohib sahaja ke dalam kitabnya dan beliau tinggalkan banyak lagi hadis-hadis sohib yang lain kerana beliau tidak mahu kitabnya itu terlalu besar. Manakala Imam Muslim pula mengatakan, beliau meriwayatkan hanya hadis-hadis yang sohib sahaja dan beliau juga tidak mengatakan bahawa hadis-hadis yang tidak beliau riwayatkan dalam kitabnya itu merupakan hadis dhaif. Apa yang beliau riwayatkan kesemuanya itu adalah hadis sohib supaya beliau dan mereka yang menulis daripadanya tidak meragui tentang kesohibannya.

Mungkin dikatakan bahawa Imam Al-Bukhari dan Muslim tidak meriwayatkan kesemua hadis-hadis yang sohib itu bererti mereka tidak perlu mengikut kriteria yang ditetapkan oleh keduanya, walau pun ia menepati syarat-syarat yang mereka tetapkan.

Para ulama berselisih pendapat mengenai hadis-hadis yang tidak diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim dari segi banyak atau sedikitnya. Imam Al-Nawawi berkata: Memang masih banyak yang tertinggal. Yang tepat ialah pendapat mereka yang mengatakan bahawa yang tidak termasuk dalam kumpulan kitab hadis asal yang lima bilangannya hanyalah sedikit sahaja. Kitab hadis asal yang lima itu ialah: Sohib Al-Bukhari, Sohib Muslim, Sunan Abi Daud, Al-Tirmizi dan Al-Nasa'i. Setengahnya pula menjadikan kitab hadis asal yang enam iaitu dengan memasukkan Sunan Ibn Majah.

Bilangan Riwayat Sohih Al-Bukhari

Al-Hafiz Ibnu Al-Solah¹⁶ dalam kitab (Ulum Al-Hadis) menjelaskan bahawa hadis yang ada dalam Sohih Al-Bukhari sebanyak 7,275 hadis dengan beberapa hadis yang berulang. Bilangannya dikatakan sebanyak 4,000 hadis sebagaimana diakui oleh Imam Al-Nawawi dalam kitab Mukhtasarnya. Dalam penutup kitabnya, Al-Hafiz Ibnu Al-Solah mengatakan bahawa semua hadis yang berulang selain dalam bentuk hadis mu'allaq¹⁷ dan hadis mutaba'ah¹⁸ yang telah diedit dan dihalusi sebanyak 7,397 hadis iaitu bertambah daripada apa yang mereka sebutkan sebanyak 122 hadis.

Guru kami pun mengatakan demikian, mereka menyebutkan 7,275 ditambah dengan 122 buah hadis di mana jumlahnya sebanyak 7,397 hadis, ini yang disebutkan oleh Al-Hafiz Ibnu Al-Solah. Selepas dikira semula oleh Al-Hafiz mengenai hadis yang mu'allaq dan yang mutaba'at pada semua bab; dan di akhir kitabnya beliau menjelaskan bahawa huraian yang ada dalam kitab itu sebanyak 1,341 hadis yang kebanyakannya berulang, maka diriwayatkan daripada kitab ini matannya yang asal sebanyak 160 hadis sahaja dan telah diasingkan dalam satu kitab yang kecil. Jumlah hadis yang berbentuk mu'allaq dan tanbih al-mutaba'ah dari pelbagai riwayat ialah 141 hadis, manakala yang berulang dalam kitab ini ialah 9,082 hadis, bilangan hadis ini tidak

¹⁶ Uthman bin Abdul Rahman Al-Syahrhiri Al-Kurdi dilahirkan pada tahun 577 Hijrah dan wafat pada tahun 643 Hijrah. Beliau dikenal dengan nama Ibnu Al-Solah, seorang ulama yang hebat dan terawal dalam bidang tafsir, hadis, fikah dan nama-nama perawi hadis (asma' al-rijal). Beliau mengajar di Dar Al-Hadis di Damsyik. Antara kitabnya ialah (Ma'rifah Anwa' Ilmu Al-Hadis) yang dikenal dengan Muqadimah Ibnu Al-Solah.

¹⁷ Hadis yang dibuang permulaan sanadnya sama ada yang dibuang itu seorang atau lebihsecara berturut-turut sekalipun hingga akhir sanad. (Manhaj Al-naqd fi 'Ulum Al-Hadis, Dr. Nuruddin 'Atar, Dar Al-Fikr Damsyik, Dar Al-Fikr Al-Mu'ashir Birut, 1997, hal 374). (Penterjemah).

¹⁸ Perawi yang meriwayatkan hadis itu sama dengan apa yang diriwayatkan oleh perawi lain di mana riwayat itu didapati daripada gurunya atau mereka yang lebih tinggi daripada gurunya. (Ibid, hal. 418). (Penterjemah)

termasuk hadis yang mauquf¹⁹ dan hadis maqthu'²⁰, kesemuanya itu telah dirangkum dan himpulkan dalam kitab (Taghliq Al-Ta'liq) (sebuah kitab hadis bertulis tangan yang tersimpan di Perpustakaan Al-Haram Al-Makki (di Mekah).

Ini yang dapat beliau huraikan mengenai bilangan hadis yang terdapat dalam Sohih Al-Bukhari. Ia merupakan satu pengiraan yang amat sukar dilakukan di mana beliau tidak tahu mungkin ada orang yang terlebih dahulu berbuat sedemikian sebelumnya. Beliau juga mengakui tidak sunyi daripada salah dan silap, hanya kepada Allah dipohonkan pertolongan.

Guru kami mengatakan bahawa apa yang dijelaskan oleh Al-Hafiz Ibnu Al-Solah mengenai bilangan tersebut itulah yang diceritakannya hampir tiga puluh tahun diakhir kitab (Fathul Bari), kerana kitab (Al-Mukadimah) ditulis pada tahun 13 Hijrah, manakala kitab (Fathul Bari) selesai ditulis pada awal bulan Rejab tahun 42 Hijrah. Diakhir kitab Fathul Bari disebutkan bilangan yang disebutkan dalam kitab (Al-Muqadimah).

Dalam soal ini beliau ingin memberi penjelasan, kerana pernah dikatakan bahawa bilangan hadis yang berulang ialah 7,397, kemudian dikatakan pula jumlah hadis ta'aliq sebanyak 1,341, dan jumlah yang termasuk hadis al-mutaba'ah 341, maka jumlah keseluruhannya sebanyak 9,079 atau 9,082. Gambarannya ialah: 9,079 ditolak 341 ditolak 1,341 bakinya sebanyak 7,397 hadis.

Tetapi Al-Hafiz Ibn Hajar menyebutkan diakhir kitab (Fathul Bari) juga seperti yang ada di dalam kitab (Al-Muqadimah) di

¹⁹ Hadis Mauquf ialah apa yang disandarkan kepada sahabat dari segi perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat kejadian atau akhlak Nabi SAW. Dinamakan mauquf kerana rangkaian perawi terhenti pada sahabat. (Penterjemah)

²⁰ Hadis Maqthu' ialah apa yang disandarkan kepada tabi'in atau orang yang selepasnya dari segi perkataan atau perbuatan atau pengakuan atau sifat Nabi SAW. (Penterjemah)

mana beliau mengatakan semua yang ada di dalam kitab Al-Jami' Al-Bukhari mengenai hadis yang berulang itu sama ada hadis yang mausul²¹ dan mu'allaq dan yang seerti dengan hadis mutaba'ah sebanyak 9,082 hadis.²² Apabila dicampurkan hadis yang mausul dan mu'allaq tanpa berulang sebanyak 1,513 hadis. Manakala yang mu'allaq dan yang serupa dengan mutaba'ah sebanyak 160 hadis, bakinya sebanyak 2,353 hadis adalah hadis mausul yang disepakati oleh Imam Muslim yang telah ditakhrij atau disemak kedudukannya hanya sebanyak 820 hadis. Kenyataan ini telah dijelaskan diakhir kitab (Al-Jami' Al-Bukhari).

Ini semua tidak termasuk apa yang dituliskan dalam prakata bab-bab mengenai lafaz hadis tanpa menjelaskan yang ianya hadis marfu²³.

Pengarang kitab (Kasf Al-Dzunun) menjelaskan bahawa antara periwayat Al-Bukhari itu ialah Ibrahim bin Ma'qal Al-Nasafi Al-Hafiz, beliau telah tertinggal penghujung hadis yang diriwayatkannya secara ijazah. Lantaran itu dikatakan bahawa riwayat Ibrahim itu merupakan riwayat yang paling sedikit kerana kurang daripada riwayat Al-Firabri sebanyak 300 hadis.

Ibn Hajar mengatakan bahawa beliau tidak dapat menerima pendapat tersebut, mereka mengatakan demikian kerana terpengaruh dengan pendapat Al-Hamawi mengenai kitab Al-

²¹ Hadis yang didengar oleh setiap orang perawi daripada mereka yang di atas hingga ke akhirnya sama ada sampai kepada sahabat (dinamakan marfuk) atau diperingkat bawahnya (dinamakan mauquf). (Manhaj Al-naqd fi 'Ulum Al-Hadis, Dr. Nuruddin 'Atar, Dar Al-Fikr Damsyik, Dar Al-Fikr Al-Mu'ashir Birut, 1997, hal. 348). (Penterjemah).

²² Ustaz Muhammad Fuad Abdul Baki telah membuat pengiraan mengenai hadis Al-Bukhari, beliau mendapati hadis yang berulang itu sebanyak 7,563 hadis selain daripada hadis (ta'aliq, mutaba'ah, mauquf, maqtu'), dan dikeluarkan yang berulang sebanyak 2,607 hadis. Ustaz Muhibuddin Al-Khatib mengakui pengiraan tersebut dalam menomborkan kitab Fath Al-Bari bi Syarh Sohih Al-Bukhari dimana kedua-dua kitab tersebut dicetak di Kaherah.

²³ Hadis Marfu' ialah apa yang disandarkan kepada Nabi SAW dari segi perkataan atau perbuatan atau pengakuan atau sifat kejadiannya atau akhlaknya samada bersifat secara muttasil (bersambung) atau munqati' (terputus). (Penterjemah)

Bukhari yang diriwayatkan oleh Al-Firabri. Beliau mengira semua bab yang ada kemudian dijumlahkan, lalu diikuti oleh mereka yang datang kemudian memandangkan beliau adalah perawi kitab ini, sedangkan hakikatnya bukan sedemikian. Manakala Hamad bin Syakir pula tertinggal hadis diakhir kitab Al-Bukhari yang tidak diriwayatkan lalu dikira juga sehingga sampai bilangannya sebanyak 200 hadis, mereka mengatakan bahawa riwayatnya kurang daripada riwayat Al-Firabri. Ibnu Ma'qal pula kiraannya lebih banyak berbeza berbanding kiraan Hamad, maka mereka mengiranya sebagaimana pada riwayat Hamad, ini dijelaskan oleh Al-Buqa'i²⁴ dalam kitab (Hasyiah Al-Fiyyah). Kitab Al-Bukhari dikira sebanyak 100 lebih, babnya sebanyak 3,450 bab dengan sedikit perbezaan dari segi hadis yang asal.

²⁴ Ibrahim bin Omar A-Buqa'i seorang ahli sejarah, sasterawan dari Al-Biqa' Syiria dan menetap di Damsyik, beliau pernah mengembara ke Baitul Maqdis dan Kaherah. Antara kitabnya ialah (Nazam Al-Durar fi Tanasub Al-Ayat wa Al-Surah) sebanyak tujuh jilid, dikenal dengan nama Munasabat Al-Buqa'i atau Tafsir Al-Buqa'i. Beliau dilahirkan di Syiria pada tahun 809 dan wafat pada tahun 885 di Damsyik.

Tujuan Imam Al-Bukhari Dalam Sohinya

Imam Al-Bukhari menggunakan pendekatan memberi kepercayaan dan keyakinan kepada pembaca mengenai hadis-hadis sohik dalam kitabnya. Al-Hafiz dalam pengantar kitab Fathul Bari mengakui bahawa Imam Al-Bukhari begitu iltizam dengan hadis yang sohik sahaja, beliau tidak masukkan dalam kitabnya kecuali hanya hadis-hadis yang sohik sahaja. Fakta inilah yang dijadikan tajuk kitabnya dengan nama (Al-Jami' Al-Sohik Al-Musnad min Hadis Rasulillah wa Sunnatuhi wa Aiyamihi). Kenyataan tersebut dinukil oleh para ulama hadis secara jelas daripada Imam Al-Bukhari sendiri. Beliau juga berpendapat bahawa dalam kitab ini mengandungi persoalan fikah yang amat berguna dengan komintar-komintar yang menarik, melalui kefahamannya diriwayatkan daripada nas-nas hadis berbagai pengertian yang diasingkan dalam bab-bab kitabnya mengikut kesesuaian, seterusnya beliau menekankan ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum-hukum, lalu diriwayatkan daripadanya pengajaran-pengajaran yang menarik dan juga menunjukkan mengenai tafsiran yang dilakukannya dengan menggunakan berbagai cara.

Syeikh Muhyiddin Al-Nawawi menjelaskan bahawa tujuan Imam Al-Bukhari bukan setakat meringkaskan hadis sahaja, malahan tujuannya ialah istinbat atau mengeluarkan dan mengambil dalil untuk bab-bab yang dikehendakinya. Berdasarkan pengertian ini telah dapat menjimatkan dan mengatasi setiap bab daripada menyebutkan semua sanad atau perawi hadis seperti si pulan daripada Nabi SAW dan seumpamanya. Lantaran itu beliau hanya menyebutkan nas (matan) tanpa menyebutkan sanad, kadang hanya diberikan ulasan sahaja, ini dilakukan dalam berhujah mengenai masalah yang dibincangkan. Hadis yang dikemukakan itu hanya untuk makluman dan untuk tujuan-tujuan tersebut.

Al-'Allamah Al-Kauthari²⁵ dalam kitab (Hamisy Syurut Al-A'immah) karangan Al-Hazami²⁶ menjelaskan bahawa tujuan Imam Al-Bukhari ialah (memilih) takhrij hadis-hadis yang sohih dan mengistinbat (mengeluarkan) hukum-hukum fikah, sirah dan tafsir dengan menghuraikan tentang hadis yang mauquf dan mu'allaq, fatwa para sahabat, tabi'in dan pendapat ulama tertentu, kemudian memasukkan matan hadis dan cara mendapatkannya dalam bab-bab kitabnya.

Al-Syeikh Waliyullah Al-Dahlawi dipermulaan pengenalan bukunya menjelaskan bahawa perkara utama yang disusun oleh ulama hadis mengenai ilmu hadis terdapat empat bidang, iaitu:

1. Bidang hadis yang membicarakan mengenai fikah seperti kitab Al-Muattho' dan Jami' Sufian.
2. Bidang Tafsir seperti kitab Ibnu Jaraj.
3. Bidang Sirah seperti kitab Muhammad bin Ishak.
4. Bidang Zuhud dan kelebihan-kelebihan seperti kitab Ibn Al-Mubarak.

Sebenarnya Imam Al-Bukhari ingin mengumpulkan empat bidang tersebut dalam sebuah kitab dan beliau mengasingkan hadis yang dihukumkan sohih oleh ulama sebelum Imam Al-Bukhari dan dizamannya.

Beliau juga mengasingkan hadis marfu' al-musnad, termasuklah riwayat dan lain-lain yang disusun bukan sebagai

²⁵ Muhammad bin Al-Kauthari seorang ahli fikah bermazhab Hanafi, dilahirkan pada tahun 1296 Hijrah di Jarkasi berhampiran utara Al-Astanah. Beliau mendalami kitab Jami' Al-Fatih di Istanah. Semasa peperangan dunia pertama, beliau mendapat tekanan tentera-tentera bersekutu, setelah Kamal Ataturk memerintah beliau mahu dipenjarakan lalu beliau berhijrah ke Mesir. Beliau berulang alik antara Mesir dan Syiria, kemudian menetap di Kaherah dan wafat di sana pada tahun 1371 Hijrah. Beliau membuat beberapa ulasan dalam kitab-kitab fikah, hadis dan perawi hadis, dan mempunyai beberapa buah kitab antaranya Maqalat Al-Kauthari.

²⁶ Muhammad bin Musa terkenal dengan nama Al-Hazami seorang pengkaji dari kalangan alim ulama, dilahirkan pada tahun 458 Hijrah di Hamadzan dan wafat pada tahun 584 Hijrah di Baghdad. Antara kitabnya ialah Syurut Al-A'immah Al-Khamsah fi Mustalah Al-Hadis.

teks asal tetapi sebagai bahan sampingan, lantaran itu dinamakan kitabnya dengan Al-Jami' Al-Sohih Al-Musnad. Beliau juga ingin menumpukan usahanya untuk mengeluarkan pelbagai masalah daripada setiap hadis Rasulullah SAW, perkara ini tidak pernah dilakukan sebelumnya, cuma beliau ingin mengasingkan hadis-hadis dan meletakkannya dipengenalatan tajuk (bab-bab). Dari sini dapat dipastikan bahawa kebanyakan tujuan Imam Al-Bukhari dalam kitab sohihnya ialah mengenai rahsia istinbat mengeluarkan hukum, lantaran itu kebanyakan pendapat ulama terkemuka mengatakan ianya sebagai fikah Imam Al-Bukhari dalam pengenalan kitab-kitabnya sebagaimana diceritakan oleh Al-Hafiz dalam mukadimah Fathul Bari.

Syarat Imam Al-Bukhari Dalam Kitab Sohihnya

Para ulama telah menyusun kitab khusus mengenai syarat-syarat yang ditetapkan oleh ulama hadis, antaranya:

1. Syurut Al-A'immah fi Al-Qiraah wa Al-Sima' wa Al-Munawalah wa Al-Ijazah oleh Al-Hafiz Abi Abdullah bin Manduh²⁷ wafat tahun 395 Hijrah.
2. Syurut Al-A'immah Al-Sittah oleh Al-Hafiz Muhammad bin Tahir Al-Maqdisi dicetak di Kaherah dan India. Beliau telah wafat pada tahun 507 Hijrah.
3. Syurut Al-A'immah Al-Khamsah oleh Al-Hazami dicetak di Mesir dengan (huraian oleh Imam Al-Kauthari).

Al-Maqdisi dalam Syurut Al-A'immahnya (syarat-syarat ulama hadis) mengatakan bahawa Imam Al-Bukhari dan Muslim serta mereka yang datang selepasnya – penulis Al-Sunan Al-Arba'ah – tidak menukil hadis dari salah seorang daripada mereka. Dikatakan, bahawa Imam Al-Bukhari telah menetapkan suatu syarat bagi menentukan hadis yang diriwayatkan itu setaraf dengan hadis beliau mestilah mengikut syarat yang beliau telah tetapkan. Ini dapat diketahui berdasarkan penelitian dalam kitab mereka, lantaran itu ia dapat dikenal syarat-syarat yang ditetapkan oleh setiap orang dari kalangan mereka.

Al-Hafiz Abu Al-Fadhl bin Tahir menjelaskan bahawa syarat yang ditetapkan oleh Imam Al-Bukhari untuk meriwayatkan hadis sebagaimana yang dipersetujui akan kesahuhannya mestilah datangnya terus kepada para sahabat yang masyhur, dengan perbezaan dari segi boleh dipercayai dan boleh diperakukan serta

²⁷ Muhammad bin Ishak bin Muhammad bin Yahya bin Manduh Al-Asfihani dilahirkan pada tahun 310 Hijrah dan wafat pada tahun 395 Hijrah. Beliau merupakan antara ulama hafiz hadis yang terkenal, membuat pengembaraan untuk mendapatkan hadis dan banyak menyusun hadis.

sanad perawinya bersambung tidak putus-putus. Jika sekiranya seseorang sahabat itu ada mempunyai dua riwayat atau lebih itu amatlah baik, jika sekiranya hanya mempunyai satu riwayat sahaja dan cara penentuannya betul, itu sudah memadai. Cuma Imam Muslim menukil (akhroja) hadis-hadis yang ditinggalkan oleh Imam Al-Bukhari kerana beliau merasa ragu mengenainya, maka dinukil oleh Imam Muslim untuk menghilangkan keraguan tersebut, demikianlah kedudukannya.

Al-Hakim Abi Abdullah mendakwa bahawa syarat yang ditetapkan oleh Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim itu; para sahabat yang meriwayatkan hadis itu mestilah mempunyai dua riwayat atau lebih, manakala para tabi'in yang masyhur pula mempunyai dua riwayat yang dipercayai dan begitulah seterusnya, maka hadis yang ditolak oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim ialah hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat yang hanya mempunyai satu riwayat sahaja.

Al-Hafiz menjelaskan bahawa syarat yang disebutkan oleh Al-Hakim itu jika sekiranya bercanggah dengan pendapat sahabat yang dinukil daripada mereka, maka dianggap muktabar di sisi mereka yang kemudian, kerana dalam kitab hadis itu pada asalnya hanyalah ada satu riwayat sahaja.

Al-Hazami mengatakan, Apa yang diperkatakan oleh Al-Hakim itu merupakan pendapat mereka yang tidak mengkaji secara mendalam tentang rahsia hadis sohih, kerana jika sekiranya diselidiki secara mendalam nescaya akan ditemui banyak hadis yang bercanggah dengan dakwaannya itu. Kesimpulannya, bahawa syarat hadis itu dikira sohih, sanadnya mestilah bersambung, setiap perawinya mesti boleh dipercayai bukan orang yang (mudallis) iaitu mereka yang meriwayatkan daripada orang lain sedangkan mereka sendiri tidak mendengarnya; atau orang yang banyak melakukan kesilapan kerana umur yang sudah lanjut atau buta atau kehilangan nukilannya atau orang yang sezaman dengannya tetapi dia tidak dapat berjumpa dengannya.

Tambah Al-Hazami lagi, mereka yang menukil hadis sohih menganggap keadaan perawi itu adil sebagaimana syeikhnya yang adil, setengah daripada mereka hadisnya sohih mantap dan setengahnya pula hadisnya mestilah boleh dipercayai.

Bab ini jelasnya lagi amat rumit dan untuk mengetahuinya mestilah mengetahui kedudukan perawi daripada perawi yang asal dan sejauh mana tahap pencapaian mereka dalam mendapatkan hadis. Sebagai contoh untuk menjelaskan perkara tersebut; hendaklah kita mengetahui bahawa pengikut Al-Zuhri²⁸ umpamanya mempunyai lima peringkat dan setiap peringkat mempunyai keistimewaan seperti berikut:

1. Memang betul-betul sohih, inilah yang dikehendaki dan dimaksudkan oleh Imam Al-Bukhari.
2. Mempunyai syarat yang pertama, bezanya yang pertama hafal hadis dan itqan (betul-betul memenuhi syarat) serta lama bergaul mengikut pendapat Al-Zuhri, maknanya sering menemaninya sama ada dalam pelayaran atau tidak.
3. Tidak ditetapkan syarat kedua kecuali bersamanya dalam masa yang singkat dan tidak selalu bersama-sama dengannya, mereka itqan (memenuhi syarat tetapi tidak sampai tahap yang pertama), cuma mereka mengikut syarat Muslim sahaja.

Al-Hafiz mengatakan bahawa kebanyakan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari mengikut tahap kedua dari segi (ta'liqan) huraian, dan mungkin ada sedikit mengikut tahap ketiga.

²⁸ Muhammad bin Muslim bin Abdullah bin Syihab Al-Zuhri Al-Qurasyi. Dilahirkan tahun 58 Hijrah. Beliau merupakan orang yang terawal menyusun hadis dan salah seorang penghafaz hadis dan seorang ulama fikah, dari kalangan tabi'in dari Madinah pergi ke Syiria dan menetap di sana dan meninggal dunia di sana tahun 124 Hijrah.

Contoh yang disebutkan tadi merupakan kebanyakan yang berlaku, berdasarkan contoh tersebut dijadikan ikutan atau di kiaskan oleh pengikut Nafi²⁹ dan pengikut Al-A'masy³⁰ dan pengikut Qatadah³¹ dan lain-lain lagi.

Adapun kebanyakan bukan ahli hadis, menganggap Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim begitu dipercayai, adil dan tidak banyak melakukan kesilapan dalam penyusunan hadisnya. Tetapi ada di antara mereka yang begitu kuat pegangannya lalu mengeluarkan apa yang berbeza dari kedua-dua mereka (Bukhari dan Muslim) seperti Yahya bin Said Al-Ansori,³² antara mereka yang tidak kuat pegangannya, lalu mengeluarkan kedua-dua mereka seperti juga yang ada pada orang lain, dan inilah yang paling banyak berlaku.

Al-Qostholani membuat kesimpulan dari apa yang didakwa oleh Al-Hakim mengenai syarat Al-Bukhari dengan agak ringkas dan lebih ringkas daripada pendapat Al-Suyuthi dalam kitab Al-Tadrib. Al-Qostholani menyimpulkan bahawa pendapat Al-Hakim bercanggah dengan pendapat Al-Hazimi di mana dia mendakwa ianya sebagai syarat Imam Al-Bukhari dan Muslim dalam

²⁹ Nafi' Al-Madani Abu Abdullah dari kalangan ulama tabi'in di Madinah. Beliau sebagai seorang yang mendalam pengetahuan agamanya, sesuai dengan kepimpinannya; banyak meriwayatkan hadis dan seorang yang sangat dipercayai (thiqah). Berasal dari Dailami, dalam salah satu peperangan beliau ditawan oleh Abdullah bin Umat lalu dijadikan pembantunya, membesar di Madinah dan diutuskan oleh Umar bin Abdul Aziz ke Mesir untuk mengajar ilmu hadis di sana, dan beliau wafat pada tahun 117 Hirjah.

³⁰ Sulaiman bin Mahran Al-Asadi digelar dengan nama Al-A'masy; dilahirkan pada tahun 612 hijrah dan wafat pada tahun 148 Hijrah. Beliau seorang tabi'in yang terkenal berasal dari negeri Al-Rai, dibesarkan dan wafat di Kufah. Al-Zahabi mengatakan beliau merupakan pemimpin ilmu yang berfaedah dan beramal solih.

³¹ Qatadah bin Da'amah Al-Sadusi Al-Basri dilahirkan pada tahun 61 Hijrah dan wafat pada tahun 118 Hijrah. Beliau seorang ahli tafsir, hafaz hadis dan (dharir akmah). Imam Ahmad bin Hanbal berkata bahawa Qatadah orang yang paling hafaz hadis di Basrah dan wafat akibat sakit ta'un.

³² Yahya bin Said bin Qais Al-Ansori Al-Najjari seorang kadi dari kalangan ulama hadis terkenal di Madinah Al-Munawarah. Menjawab jawatan kadi di Madinah di zaman pemerintahan Bani Umayyah, menjadi Kadi di Hirah di zaman pemerintahan Abasiyah, beliau serupa dengan Al-Zuhri dari segi ilmu dan hafazan hadis. Wafat pada tahun 144 Hijrah.

sohinya terdapat perkara-perkara asing yang terdapat pada setengah perawi. Persoalan ini dijawab, bahawa disyaratkan pada setiap riwayat dalam kedua-dua kitab tersebut ada dua orang perawi, bukan ia mensyaratkan kedua-duanya sepakat pada riwayat hadis itu.

Abu Ali Al-Ghossani yang dipetik oleh Iyad mengatakan, bukanlah maksud setiap khabar yang diriwayatkan oleh dua perawi itu disepakati oleh kedua perawi yang meriwayatkan daripada kedua perawi tersebut, kemudian diikuti oleh pengikutnya selepas itu, ini semua agak sukar didapati, tetapi yang dimaksudkan di sini ialah bahawa para sahabat dan tabi'in tersebut telah diriwayatkan oleh dua orang perawi di mana kedua-duanya tidak pernah dianggap sebagai orang yang bodoh.

Syeikh Al-Islam mengatakan bahawa Al-Hazami seolah-olah memahami pendapat Al-Hakim seperti dia betul-betul mengetahui perkara itu. Sebenarnya ia berkemungkinan hanya ingin menyamakan pada satu-satu sudut sahaja bukan keseluruhannya seperti riwayat yang bersambungan dan pertemuan antara perawi.

Abu Abdillah bin Al-Muwarraq mengatakan apa yang dikomen oleh Al-Ghasani mengenai pendapat Al-Hakim dan diikuti oleh Iyad dan lainnya tidaklah begitu jelas, kerana beliau tidak tahu seseorang meriwayatkan daripada kedua-duanya yang menjelaskan sedemikian selain ia tidak terdapat dalam kitab kedua-duanya. Alangkah baiknya tidak menetapkan syarat tersebut kepada kedua-duanya sedangkan ada perbezaan pendapat mengenainya, kerana jika benar kedua-duanya meletakkan syarat tersebut, maka sesiapa yang melanggarnya nescaya silaplah pendapatnya.

Syeikh Al-Islam menjelaskan lagi, ini merupakan pendapat yang diterima dan perbincangan yang menarik. Al-Hazami mengatakan, apa yang diterima sanadnya dari sudut terputusnya perawi dan menyembunyikan fakta perawi dan lainnya yang

menyebabkan hadis menjadi dhaif, tidak sunyi sama ada boleh dinamakan sohih atau pun tidak. Jika boleh dinamakan sohih maka syaratnya mestilah sebagaimana yang dijelaskan bukan dikira dengan bilangan perawi, dan jika tidak boleh dinamakan sohih maka ia tidak ada kesan dari segi bilangan perawi. Kerana meletakkan perkara yang salah ke atas perkara yang salah itu tidak menyebabkan ianya menjadi member kesan dan tidak ada seorang pun yang berpengetahuan mengatakan sedemikian.

Dengan ini jelaslah kepada kita, bahawa syarat yang ditetapkan oleh Imam Al-Bukhari dalam sohihnya itu meletakkan kedudukannya berada dipuncak. Ini menunjukkan kitabnya berada ditahap yang paling tinggi dari segi kesahihan dan kepercayaan, pencarian menukil hadis sohih yang mantap, keprihatinan yang jitu oleh seorang mujtahid, amanah dari segi menukil nas dan perawi, seterusnya menetapkan syarat-syarat yang begitu ketat dalam bidang ini, dengan begitu kuat iltizamnya yang tidak boleh ditandingi oleh mana-mana penyusun dalam bidang ini.

Riwayat Al-Bukhari Yang Dipertikai

Setengah penghafaz hadis seperti Dar Al-Quthni mempertikai atau mengkritik Imam Al-Bukhari mengenai hadis-hadis sohihnya, di mana ianya dianggap tidak berada di tahap dan kedudukan yang tinggi sebagaimana yang diakui sendiri dalam sohihnya. Bilangan hadis-hadis Al-Bukhari yang dikritik sebanyak seratus sepuluh (110) hadis; antara yang disepakati oleh Imam Muslim yang diriwayatkan dalam hadis sohihnya sebanyak 32 hadis. Antaranya yang ada dalam kitab Al-Bukhari sebanyak 78 hadis.

Al-Hafiz Ibnu Hajar menjelaskan bahawa hadis-hadis itu disebutkan dalam kitab (Muqaddimah Fathul Bari), kemudian kritikan itu dijawab satu persatu oleh Imam Al-Bukhari, akhirnya beliau berkata ini semua yang dapat diteliti oleh penghafaz dan pengkritik yang arif tentang kelemahan sanad hadis dan mereka yang mengkaji tentang cara menilai perawi hadis. Kritikan yang dilakukan oleh Dar Al-Quthni itu bukan kesemuanya ditujukan kepada Imam Al-Bukhari sahaja, tetapi apa yang dilakukan oleh Imam Ab-Bukhari juga dilakukan oleh Muslim dalam kebanyakan pendekatan yang digunakan dalam hadisnya. Bukanlah kesemua yang dikritik itu mencatatkan kerana jawapan mengenainya adalah jelas; lantaran itu kecatatan itu tertolak dan setengah jawapan yang diberikan hanya satu kemungkinan; dan jawapan yang paling mudah ialah ia hanyalah dakwaan secara rambang sebagaimana yang dijelaskan secara ringkas di permulaan fasal dan dihuraikannya bagi menjelaskan setiap satu hadis yang dipertikaikan.

Jika sekiranya diteliti apa yang dijelaskan oleh Imam Al-Bukhari mengenai tahap keyakinan dirinya, ketulinan kitabnya mengikut pandangannya dan penerimaan ulama hadis mengenai kritikan tersebut, maka didapati kritikan Dar Al-Quthni itu kerana beliau tidak menemui huraian yang dijelaskan oleh Al-Bukhari. Kerana susunan hadis yang tidak diteliti oleh Dar Al-Quthni

berdasarkan syarat-syarat penelitian dalam kitab ini telah dihuraikan ditempat lain yang berkaitan dengannya untuk pengetahuan pembaca serta memberikan jawapan yang tepat supaya tidak disalah fahami oleh mereka yang kurang mamahami.

Pendek kata apa yang dibangkitkan oleh Dar Al-Quthni itu boleh menjadi contoh kepada ulama lain dalam membuat penilaian dan kritikan, kerana Imam Al-Bukhari merupakan pelopor dan peneraju dalam bidang ini, kitabnya begitu meluas dan mencakupi semua bidang.

Diawal kitabnya beliau menjelaskan, sebelum membicarakan persoalan ini, setiap mereka yang insaf perlu mengetahui bahawa perbicaraan ini sekalipun kebanyakannya tidak mengkritik mengenai tajuk kitab ini, kesemua isi kandungannya diterima oleh semua ulama dalam bidang ini. Itulah yang didakwa oleh Imam Abu Amru bin Al-Solah dan lain-lain lagi di mana secara ijmak mereka menerima kitab ini kerana kesohihan apa yang terkandung di dalamnya. Pendapat yang mempertikaikan kesahihannya, sebenarnya mereka yang membuat kajian itu tidak menemui apa yang biasa ditemui dalam kebanyakan kitab. Ini telah dijelaskan oleh Ibn Al-Solah dengan katanya, kecuali di beberapa tempat yang dipertikai oleh Dar Al-Quthni dan lainnya. Di huraikan dalam (Syarah Mukadimah Muslim), kecacatan yang dipertikaikan ke atas Imam Al-Bukhari dan Muslim itu ialah berpunca pengambilannya daripada penghafaz, ini berbeza dengan apa yang kami sebutkan kerana tidak adanya kesepakatan untuk menerima pandangan tersebut. Ini tindakan berwaspada yang baik.

Al-Allamah Al-Nawawi berbeza pendapat mengenai perkara ini dalam (Syarah Muqadimah Muslim) di mana beliau mengatakan bahawa para jemaah telah mengesan dalam kitab Al-Bukhari dan Muslim hadis-hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh mereka berdua, ini menyebabkan tahap hadisnya menurun dari tahap yang ditetapkan. Dar Al-Quthni telah menyusun kitab mengenainya dan Abi Zar'ah Al-

Dimasyqi juga menjumpai perkara yang sama. Abi Ali Al-Ghasani dalam membicarakan sebahagian kecacatan ini telah membuat pembedaan ke atas mereka berdua.

Dalam Syarah Al-Bukhari dikatakan, Dar Al-Quthni telah membuat pembedaan mengenai kecacatan dalam hadis-hadis Al-Bukhari dan Muslim, pertikaian tersebut hanya berdasarkan kaedah yang digunakan oleh setengah ulama hadis, jadi pendapat tersebut amatlah lemah dibandingkan dengan pendapat kebanyakan (jumhur) ulama dari kalangan ahli fikah dan ahli usul. Lantaran itu, dikatakan jangan terpedaya dengannya.

Dari komintar dan kajian yang dilakukan secara mendalam mengenai kecacatan yang didakwa, ternyata kedudukan perkara tersebut bukanlah seperti mana yang dipertikaikan. Al-Hafiz dalam Syarah Muslim mengatakan bahawa semua persoalan tersebut telah dijawab atau kebanyakannya telah dijawab, itulah yang paling tepat dan betul, walaupun ada diantara jawapan mengenainya tidak sepadu seperti yang diperkatakan oleh Al-Hafiz Ibnu Hajar dalam kitab Al-Muqadimahny.

Al-Iraqi telah menyusun hadis-hadis yang diriwayatkan daripada kitab Imam Al-Bukhari dan Muslim yang dikatakan terdapat hadis dhaif dan hadis (maqthu') yang terputus hubungan sanadnya (perawinya) tetapi ianya tidak diperbetulkannya kerana beliau telah kehilangan nukilannya, ini yang dijelaskan oleh Ibnu Fahad³³ dalam (Dzail Thobaqat Al-Huffaz).

Al-Hafiz Ibnu Hajar telah menjawab apa yang ditemuinya itu secara ringkas selepas menjelaskan kehebatan mereka berdua (Iman Al-Bukhari dan Muslim) dan penekanannya tentang kesahihan hadisnya. Ditakdirkan pendapat mereka yang mempertikaikan kedua-dua hadis sohih itu bercanggah dengan

³³ Muhammad bin Muhammad Al-Hasyimi Al-Ashfuni, seorang ahli sejarah dari kalangan ulama Syafii berkaitan keturunannya dengan Muhammad bin Al-Hanafiah, dilahirkan di Ashfun di perkampungan Mesir berpindah bersama ayahnya ke Mekah dan wafat di sana, antara kitabnya ialah Lahdzul Al-Hadz bi Zaili Thobaqot Al-Huffaz dilahirkan pada tahun 787 Hijrah dan wafat pada tahun 871 Hijrah.

syarat mengenai hadis sohih mereka berdua, sudah tentulah hadis sohih mereka berdua yang akan didahulukan daripada yang lain. Maka dengan ini tertolaklah keseluruhan dakwaan tersebut. Pendapat Al-Hafiz Ibnu Hajar ini diikuti pula selepas itu oleh Al-Suyuthi sebagaimana dijelaskan dalam kitabnya (Al-Tadrib).

Pengarang Kasf Al-Dzunun menyebutkan mengenai (Syuruh Al-Bukhari) dalam Syarah Abi Dzar Ahmad bin Ibrahim bin Al-Sabt Al-Halabi (wafat tahun 884 Hijrah), yang disimpulkan daripada Syuruh Ibnu Hajar, Al-Karmani dan Al-Barmawi³⁴ lalu dinamakan: Penjelasan Mengenai Keraguan Terhadap Hadis Sohih (Al-Taudhih li Al-Auham Al-Waqi'ah fi Al-Sohih). Demikian juga Al-Syeikh Khalil Ahmad Al-Muhajir Al-Madani pengarang kitab: Mengembeling Usaha Dalam Menghuraikan Hadis Abi Daud) sebagai hasil dapatan ke atas sohih Al-Bukhari.

Mengenai syarah dan huraianya pula disebutkan oleh Al-Allamah Muhammad Zakaria dalam mukadimah kitabnya (Lami' Al-Darari). Sesiapa yang ingin mengetahuinya dipersilakan merujuk kepadanya.

³⁴ Muhammad bin Abdul Daim Al-'Asqolani Al-Barmawi. Beliau seorang yang alim di Mesir dalam ilmu fikah dan hadis bermazhab Syafi'i. Beliau menetap beberapa ketika di Damsyik dilahirkan pada tahun 763 Hijrah dan wafat pada tahun 831 Hijrah di Kaherah. Antara kitabnya ialah (Al-Lami' Al-Shobih 'ala Al-Jami' Al-Sohih).

Komentar **Ke Atas Setengah Perawi Dalam Sohih Al-Bukhari**

Al-Hafiz Abu Zar'ah Al-Iraqi telah menyusun kitab pertamanya yang dinamakan (Al-Bayan wa Al-Taudhih li Man Kharaja lahu fi Al-Sohih) iaitu 'Penjelasan dan Huraian Bagi Mereka Yang Meriwayatkan Hadis Sohih'. Dalam kitab ini terdapat ungkapan yang mempertikaikan kesohihan perawinya, ini disebutkan oleh Ibn Fahad dalam kitab (Dzail Al-Thobaqat).

Al-Hafiz Abi Fadhl Muhammad bin Tahir Al-Maqdisi yang dikenal dengan nama Ibn Al-Qisrani wafat pada tahun 507 Hijrah mempunyai kitab yang menghimpunkan antara dua kitab Abi-Nasr Ahmad bin Muhammad bin Al-Hussain Al-Kalabadzi mengenai perawi Imam Al-Bukhari; dan kitab Abi Bakar Al-Asbihani mengenai perawi sohih Muslim yang dikumpulkan kedua-duanya oleh Al-Maqdisi dalam satu kitab dan dicetak di India. Dalam kitab ini disebutkan bilangan perawinya dan mempertikaikan mereka yang mempersoalkannya. Al-Hafiz (Ibn Hajar) membincangkan perkara ini dalam mukadimah Fathul Bari dalam satu bab khusus mengikut urutan huruf abjad; dan menjawab sanggahan mengenainya satu demi satu dengan mengasingkan mereka yang diriwayatkan di peringkat pertama dengan mereka yang diriwayatkan peringkat berikutnya dengan menggunakan bukti yang lengkap dan meyakinkan pada keseluruhannya.

Al-Suyuthi dalam kitab (Al-Tadrib) menjelaskan bahawa perawi yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari sebanyak 480 orang perawi dengan 80 orang perawinya didakwa sebagai lemah (dhaif). Manakala perawi yang diriwayatkan oleh Imam Muslim sebanyak 620 orang perawi dan 160 orang daripada perawinya didakwa dhaif.

Al-Hafiz menjawab dalam Muqadimah Fathul Bari secara ringkas sahaja, katanya: Sebelum membicarakan persoalan ini sayugia mereka yang prihatin menginsafi bahawa mengeluarkan

perawi Imam Al-Bukhari siapa juga orangnya, mereka sebenarnya telah bercanggah dengan keadilan yang ditetapkan oleh Imam Al-Bukhari, kesahihan cara menentukan hadis dan juga tidak adanya sifat pelupa. Istimewa pula ianya bercanggah dengan kesepakatan jumhur ulama hadis yang menetapkan bahawa kedua-dua kitab tersebut (Sohih Imam Al-Bukhari dan Muslim) sebagai hadis yang sememangnya sohih.

Dakwaan ini tidak boleh diterima, lainlah kalau mereka sudah menolak hadis yang sohih. Dakwaan ini bagaikan memaksa jumhur ulama hadis untuk mengubah apa yang dijelaskan dalam kedua-dua kitab hadis tersebut. Ini jika sekiranya mempertikaikan perkara dasar, adapun jika sekiranya mempertikaikan perkara-perkara yang dianggap sebagai lampiran, huraian dan komentar, maka ini berbeza tahap mereka yang diriwayatkan dari kalangan mereka di segi ketepatan dan lainnya sedangkan mereka semua masih lagi benar dan diterima, ketika itu jika sekiranya terdapat orang lain membuat komen terhadapnya, komen tersebut mempertikai keadilan Imam Al-Bukhari, ini tidak boleh diterima kecuali mempunyai sebab-sebab yang jelas menghuraikan kecacatan yang mencacatkan keadilan perawi, sama ada pada dhabitnya (tanda-tanda) secara mutlak atau pada dhabitnya kerana khabar tertentu. Sebab yang mendorong ulama hadis untuk mengkritik itu adalah berbeza, ada yang mencerca dan ada yang tidak.

Syeikh Abu Al-Hasan Al-Maqdisi mengatakan tentang perawi yang diriwayatkan daripada kitab Al-Sohih, (Haza Jazal Qantoroh) tindakan yang sedemikian itu dilakukan tanpa melihat apa yang diperkatakan mengenainya. Syeikh Abu Fath Al-Qusyairi mengatakan, inilah yang kami pegang dan dengannya kami katakan. Lantaran itu tidak kami keluarkan perawi tersebut kecuali dengan hujah yang nyata dan penjelasan yang jitu, di mana ia mampu membuang prasangka terhadap Imam Al-Bukhari dan Muslim yang menamakan kedua-dua kitabnya sebagai hadis sohih, jika sekiranya berlaku sedemikian rupa sudah tentulah

berlaku perubahan dari segi mengubah kriteria perawi kedua-dua kitab tersebut.

Apa yang jelas kepada kita bahawa kritikan yang dilakukan sama ada mengenai perawi hadis atau nas hadis itu tidak memberi kesan dari sudut tinggi nilai ilmunya, kerana terbukti sepakat para ulama menerimanya dan sepakat jumah mengatakan ianya sebagai kitab yang paling sohih selepas kitab Al-Quran. Demikian juga amat zalim dan jahil tentang hakikat, bertindak melulu dengan cepat menghukum secara membabi buta cuma dengan mengambil kaedah yang belum teruji yang digunakan untuk membuat penilaian oleh ulama mutakhir dengan menghukum kedua-dua kitab sohih Al-Bukhari dan Muslim serta Al-Muwatto' kerangan Imam Malik.

Tindakan ini menyebabkan kita kembali ke belakang di mana terpaksa membuat penilaian semula kitab-kitab yang telah diterima dengan meletakkan penilaian yang boleh menimbulkan pertikaian dan meluaskan perselisihan. Bentuk penilaian ilmiah yang tidak harmoni, cara berfikir yang tidak konsisten dan cara bekerja yang tidak berinovasi akan menimbulkan huru hara yang menyebabkan rosaknya tiang agama di mana banyak menghabiskan usaha, tenaga dan masa umat ini sedangkan ia merupakan usaha yang tidak bererti, semoga Allah membantu umat ini daripada memikul beban yang ditinggalkan oleh umat sebelumnya.

Keistimewaan Sohih Al-Bukhari

Syeikh Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi membentangkan ciri-ciri keistimewaan sohih Al-Bukhari dalam pengantar kitab (Lami' Al-Darari), di sini dijelaskan secara ringkas seperti berikut:

1. Bismillah

Bahawa Imam Al-Bukhari jika beliau berhenti daripada menulis kitabnya dan mulai menulis semula selepas itu, beliau akan memulakannya dengan ucapan Bismillah dipertengahan kitab sebagaimana disebutkan dalam bab (Kelebihan Solat di Masjid Mekah dan Madinah).

2. Sebutan khusus

Seperti dijelaskan oleh Al-Hafiz, selepas menjelaskan beberapa panduan, beliau memulakan penulisannya dengan menyebut (nahnul aakharuunas sabiquun) kami yang kemudian mengikut yang terdahulu.³⁵

Yang jelas, bahawa naskhah kitab Abi Al-Zanad daripada Al-A'raj daripada Abi Hurairah itu serupa dengan naskhah Ma'mar daripada Humam. Lantaran itu tidak banyak hadis dalam soal ini kecuali pada Imam Muslim, kedua-dua mereka mempunyai banyak hadis yang biasa diriwayatkan oleh mereka berdua di mana setiap naskhah dimulakan dengan ungkapan (nahnul aakharuunas sabiquun) kami yang kemudian mengikut yang terdahulu, inilah yang diamalkan oleh Imam Al-Bukhari dalam setiap memulakan semula penulisannya.

³⁵ Ini sebahagian daripada sebuah hadis yang panjang diriwayatkan oleh Al-Bukhari daripada Abu Hurairah ra. mengenai wudhuk bab kencing dalam air yang tidak mengalir 1/298; mengenai Jumaat dalam bab fardhu Jumaat 2/293, mengenai Jumaat bab adakah mereka yang tidak diwajibkan solat Jumaat disunatkan mandi Jumaat 2/318; hadis ambiya' bab menceritakan tentang Bani Israil 6/381; mengenai Jumaat bab hidayah umat ini pada hari Jumaat 6/82, 11/452, 12/190, 12/371 dan 13/390. Dan Muslim bil. (855) mengenai Jumaat bab hidayah ke atas umat ini pada hari Jumaat, hadis daripada Abu Hurairah ra.

Mengikut Hummam pula, Imam Muslim menggunakan ungkapan: Rasulullah SAW bersabda lalu menyebutkan hadis-hadis yang hendak ditulisnya, ini menunjukkan beliau sedang menyambung penulisannya bukan baru bermula.

3. Ungkapan tidak meyakinkan

Imam Al-Bukhari menggunakan ungkapan yang tidak meyakinkan mengenai apa yang dianggapnya sebagai lemah. Imam Nawawi dalam kitab (Al-Taqrīb) menjelaskan, apa yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dengan sanad (perawi) yang bersambung dan berurutan adalah dikira sebagai hadis sohih. Adapun sanad yang dibuang sejak mula satu atau lebih, jika dikira sebagai sohih dan pasti beliau menggunakan ungkapan (qala, fa'ala, zakara fulan kaza) iaitu si pulan berkata, si pulan melakukan, si pulan menyebutkan dan sebagainya. ini menunjukkan kesahihan perkara yang disandarkan kepadanya itu.

Manakala perkara yang kurang diyakini kesahihannya diungkapkan dengan (disebutkan atau dikatakan atau diceritakan atau dikatakan dan sebagainya). Sekalipun menggunakan ungkapan tersebut, ini bukanlah bermakna hadisnya itu lemah jika dimasukkannya ke dalam kitab yang disusunnya iaitu hadis sohih. Perkara ini disimpulkan oleh Al-Hafiz bahawa tindakan tersebut berdasarkan kepada kaedah yang disebutkan oleh Abu Al-Fadhl bin Al-Husain Al-Hafiz, bahawa Imam Al-Bukhari tidak menetapkan kaedah bahawa menggunakan ungkapan yang kurang meyakinkan itu menyebabkan sanadnya menjadi lemah, malahan memada dengan menyebutkan nas dengan maknanya sekali atau diringkaskannya sahaja pun boleh dimasukkan keduanya dalam kitabnya itu, kerana diketahui adanya perbezaan dalam masalah tersebut.

4. Perkataan Ganjil

Kebiasaan Imam Al-Bukhari menggunakan perkataan ganjil yang juga terdapat dalam Al-Quran yang bertujuan untuk menghuraikan pendapat ahli tafsir mengenainya, ini menunjukkan

ia termasuk dalam hadisnya. Kebiasaan ini digunakan dikebanyakan kitab-kitabnya yang kadang kala menimbulkan kekeliruan kepada mereka yang tidak hafaz Al-Quran.

5. Ayat Al-Quran

Imam Al-Bukhari banyak menggunakan ayat-ayat Al-Quran yang sesuai dengan bab yang dibicarakan dengan tafsiran mengenai lafaz yang digunakan bagi menjimatkan ruang. Seolah-olah menyebutkan banyak ayat dengan menyebutkan berbagai lafaz dalam satu baris. Ini banyak dilihat dalam kitab (Bad' Al-Khalq) dan (Kitab Tafsir), terdapat juga sedikit-sedikit pada kitab yang lain.

6. Solat Istikharah

Imam Al-Bukhari tidak memasukkan dalam susunan hadis sohihnya kecuali setelah melakukan solat Istikharah.

7. Pendekatan Berhemah (Berlemah Lembut)

Imam Al-Bukhari banyak mengisyaratkan diawal setiap kitabnya mengenai zaman pemerintahan yang dilaluinya dengan menggunakan pendekatan yang berhemah (berlemah lembut), apa lagi jika sekiranya perkara itu mempunyai perbezaan pendapat sebagaimana yang dijelaskan di awal bab haid (bab bagaimana bermulanya haid) ...

8. Bilangan hadis yang berulang.

Imam Al-Bukhari menjelaskan bahawa tidak ada hadis yang berulang dalam hadis sohihnya. Dalam bab (Al-Ta'jil ila Al-Mauqif) beliau menjelaskan bahawa yang hendak dimasukkannya itu bukanlah yang berulang (muad). Al-Hafiz pula menjelaskan bahawa hadis Imam Al-Bukhari tidak berulang sama sekali dari segi sanad hadis dan teksnya (sanad dan matan). Apa yang dianggap berulang itu sebenarnya bukanlah berulang mengikut ulama hadis, kerana di sana terdapat perbezaan dari segi sanad

atau perawi atau pada lafaz hadis, yang mengeluarkan hadis daripada berulang. Jika sekiranya berlaku ia bukanlah disengajakan, itu pun terlalu sedikit sangat. Mengikut Al-Qastholani pengulangan sanad dan matan hadis bilangannya hanya terdapat 22 hadis sahaja.³⁶

9. Thalathiat Al-Bukhari:

Imam Al-Bukhari dalam hadis sohihnya mengandungi banyak sanad sehingga antara perawinya dengan Nabi SAW terdapat tiga orang perawi. Ini dikenal dengan thalathiat dan bilangannya sebanyak 22 hadis.

- a. Mengenai hadis thalathiat Al-Bukhari ini, setengah ulama telah mengasingkan jenis hadis ini dalam satu kitab khas dengan mengandungi huraian sekali.
- b. Perkara ini ada disebutkan dalam kitab (Kasf Al-Dzunun).
- c. Huraian yang menarik ditulis oleh Muhammad Syah bin Al-Haj Hasan Al-Hanafi (wafat tahun 939 Hijrah).
- d. Komintar oleh Mula Ali Al-Qari Al-Hanafi (wafat pada tahun 1014 Hijrah).
- e. Nazam Al-Ali mengenai huraian thalathiat Al-Bukhari dengan menggunakan bahasa Parsi oleh Syeikh Abdul Basith Al-Qanuju (wafat tahun 1223 Hijrah).
- f. Kitab (Ighathah Al-Qari Syarah Thulathiat Al-Bukhari) oleh Syeikh Yahya bin Amin Al-Abasi (wafat pada tahun 1144 Hijrah).

³⁶ Kajian teliti yang dilakukan oleh Al-Fathil Muhammad Yunos Al-Junfuri seorang guru hadis di Madrasah Madzahir Al-Ulum sekarang mengenai riwayat yang berulang-ulang dalam sohih Al-Bukhari bilannya sebanyak 208 hadis, ia dihipunkan dalam risalah bernama (Irsyad Al-Qasid ila Ma Takarrara fi Al-Bukhari bi Isnadin Wahid).

- g. Dinukil daripada hadis Thulathiat ini sebanyak 11 hadis daripada Makki bin Ibrahim; 6 daripada Abi 'Asim Al-Nabil Al-Dhahhaq bin Mukhlad; 3 daripada Muhammad bin Abdullah Al-Ansori, 1 daripada 'Isham bin Khalid Al-Hamshi dan 1 daripada Yahya bin Khalad Al-Kufi.

10. Hubungan Yang Harmuni Antara Awal Dan Akhir Kitab

Al-Hafiz menjelaskan bahawa Syeikh Al-Islam Sirajuddin Al-Baqillani³⁷ membuat komintar mengenai kesesuaian bab-bab dalam Sohih Al-Bukhari yang dinukilkannya diakhir kitabnya (Al-Mukadimah) dengan katnya, bahawa asas keselamatan hidup awal dan akhir ialah mentauhidkan Allah dan ia dicatatkan dalam kitab tauhid, maka perkara yang lahir daripadanya ialah kebaikan bukan kerugian, manakala berat atau ringan timbangan amal yang dilakukan, diletakkan kedudukan diakhir susunan kitab. Kitab ini dimulakan dengan hadis: (Setiap amalan itu bergantung kepada niat)³⁸ ini berlaku di dunia dan disudahi dengan amalan itu akan ditimbang di hari kiamat kelak dengan menekankan bahawa amalan itu hanya akan diterima oleh Allah bergantung kepada keikhlasan hati dan niat.

Al-Karmani menjelaskan bahawa kitab ini disudahi dengan membicarakan kalamullah, kerana ia sebagai sumber wahyu dan

³⁷ Umar bin Raslan Al-Kannani Al-'Asqolani Al-Asal, Sirajuddin Al-Baqillani, beliau merupakan seorang mujtahid yang hafaz hadis, belajar di Kaherah dan menjawat jawatan hakim di Syiria. Dilahirkan pada tahun 724 Hijrah dan wafat pada tahun 805 Hijrah. Antara kitabnya ialah Munasabat Tarajim Abwab Al-Bukhari.

³⁸ Riwayat Al-Bukhari (1/9-15) bab bagaimana permulaan turunnya wahyu kepada Rasulullah SAW. Hadis Imam Muslim bilangan (1907) dalam Al-Imarah, bab (Setiap amalan itu bergantung kepada niat) yang termasuk menghadapi peperangan dan lain-lain amalan. Hadis ini daripada Umar ibn Al-Khattab ra. Dengan hadis ini Imam Al-Bukhari memulakan kitabnya dan dihuraikannya seperti seorang yang berkhotbah dengan menekankan bahawa setiap amalan yang dilakukan bukan kerana Allah SWT adalah batal tidak ada hasil dan nilainya di dunia dan akhirat. Ia merupakan salah satu hadis yang amat penting dalam beragama. Lantaran itu Abdul Rahman bin Mahdi rh. menjelaskan bahawa sesiapa yang ingin mengarang kitab hendaklah dimulakan dengan (Setiap amalan itu bergantung kepada niat). Hadis ini tidak betul daripada Nabi sekiranya bukan datangnya daripada Saiyidina Umar bin Al-Khattab ra.

mengukuhkan syariat Allah. Oleh yang demikian, kitab ini dimulai dengan permulaan wahyu dan disudahi dengan dari mana ia datang. Menyebutkan bab ini bukan bererti hanya menumpukan perkara tersebut, tetapi akhir kalam yang ditekankan ialah bertasbih, tahmid sebagaimana disebutkan diawalnya (segala amalan itu bergantung kepada niat) yang ditekankan ialah menjelaskan keikhlasannya hingga akhir sebagaimana diperkatakan.

11. Mengingatn tentang kematian.

Al-Hafiz menjelaskan bahawa apa yang disepakati dalam soal ini yang beliau sendiri tidak pernah melihat ada orang yang mengingatannya, ialah dalam perbicaraan terakhir dalam setiap kitab khususnya kitab Al-Jami' Al-Bukhari mempunyai munasabah untuk mengakhirinya, kerana penutupnya mestilah sedsuai dengan awalnya.

Al-'Allamah Muhammad Zakaria yang mengajar Sohih Al-Bukhari di Madrasah Madhazir Al-Ulum di India (52 tahun) menjelaskan, bahawa Imam Al-Bukhari dalam semua kitabnya menyebutkan tentang mati diakhir kitabnya. Diakhir kitab ini menjelaskan kesudahan seseorang dan mengingatkan bahawa kematian itu semakin hampir, seolah-olah ia mengingatkan tentang akhirat atau kebinasaan, mohon keampunan atau menyebutkan suasana di hari kiamat sebagaimana dijelaskan diakhir setiap kitabnya.

Cara Penyusunan Kitabnya

Seorang pengarang biasanya menyusun kitabnya dengan cara yang teliti. Penelitian tentang kesesuaian urutan kitab dan bab-bab dalam Sohih Al-Bukhari menunjukkan ketelitian yang menakjubkan dalam menentukan kitab dan bab-bab di dalamnya, sehingga ia menjadi sebuah kitab yang sepadu, mantap dan lengkap, mengandungi simpulan yang tersusun untuk satu matlamat iaitu keindahan dan kesempurnaan, ini dihuraikan oleh guru kami dalam kitab (Mukadimah Al-Lami'). Juga pendapat Al-Hafiz Ibn Hajar menukil daripada (Mukadimah Fathul Bari) beserta syarah dan huraian dalam kitabnya (Al-Abwab wa Al-Tarajim li Al-Bukhari) dengan begitu baik dan menarik sekali.


Al-Baji³⁹ dan lain-lain ulama hadis mengatakan bahawa dalam kitab Al-Bukhari terdapat sesuatu yang tidak pernah tidur, sesuatu yang bersinar lalu ditokok tambah oleh murid-muridnya. Manakala Al-Qastholani dalam mukadimah Syarahnya berkata, apa yang dijelaskan oleh Al-Baji perlu dilihat dari segi ianya disusun oleh penyusunnya, tidak syak lagi ia disusun secara berurutan dengan mempunyai bab dan fasal.

Kata Al-Hafiz, Al-Balqini rh. menjelaskan bahawa Imam Al-Bukhari memulakan kitabnya dengan menekankan bagaimana permulaan turunnya wahyu. Ia bukan kitab mengenai wahyu atau kitab permulaan wahyu, kerana permulaan wahyu itu terkandung di dalamnya tentang wahyu. Ujarnya lagi, ia dimulakan dengan demikian kerana ia sebagai sumber kebaikan, dengan wahyu berjalannya syariat dan turunnya risalah, daripadanya juga dikenal mengenai iman dan ilmu pengetahuan. Wahyu ini permulaannya diturunkan kepada Nabi SAW di mana ia menanamkan kehendak iman dari segi pembelajaran melalui

³⁹ Sulaiman bin Khalaf Al-Tajibi Al-Qurthubi. Dilahirkan pada tahun 403 Hijrah dan wafat pada tahun 474 Hijrah. Beliau seorang ahli fikah mazhab Maliki yang terkenal, seorang perawi hadis dari Andalus; mengembara ke negara-negara Islam kemudian kembali ke Andalus, menjawat jawatan kadi di sana. Antara kitabnya ialah (Al-Ta'dil wa Al-Tajrih liiman Ruwiya 'Anhu Al-Bukhari fi Al-Sohih).

membaca, mengenal ketuhanan, kejadian insan dan disebutkan selanjutnya (Kitab Al-Iman) dan seterusnya sebagaimana yang dijelaskan oleh Al-Hafiz mengenai kesesuaian susunan kitab dan bab-babnya.

Bab Dan Riwayat Hidup Dalam Sohik Al-Bukhari

——

Apa yang dilakukan oleh Imam Al-Bukhari dalam penyusunan kitabnya yang mengandungi bab-bab dan riwayat hidup itu merupakan sesuatu yang kompleks dan sukar difahami oleh kebanyakan pensyarah dan ahli-ahli hadis, sehingga Al-Karmani mengatakan bahawa pendekatan yang digunakannya itu tidak mampu dilakukan oleh bijak pandai di semua zaman oleh ulama yang hebat-hebat di mana-mana pun, malahan mengabaikannya begitu sahaja.

Al-Imam Waliyullah Al-Dahlawi menjelaskan bahawa Imam Al-Bukhari juga berusaha untuk mengambil berbagai kesimpulan dan hukum daripada hadis Rasulullah SAW. Ini merupakan suatu perkara yang tidak pernah dilakukan oleh mereka sebelumnya, cuma langkah baiknya jika diasingkan hadis-hadis tersebut dalam satu bab yang khusus dengan diberikan huraian mengenai hukum-hukum yang diambil daripadanya. Lantaran itulah pujian sering diberikan kepada beliau oleh ulama-ulama hadis dalam menghuraikan (Fikah Al-Bukhari). Kehebatan kitab ini sebagaimana diriwayatkan kerana beliau menulisnya di antara makam Nabi dan mimbarinya, sebelum menulisnya pula beliau sembahyang sunat Istikharah dua rakaat untuk meminta petunjuk dan pertolongan daripada Allah SWT.

Penyusunan Bab dan Riwayat Hidup

Mereka yang membuat kajian mengenai hadis, sama ada dari segi pembelajaran, susun atur, huraian, penelitian (tahqiq) dan lain-lain lagi mengakui bahawa bab-bab dan riwayat hidup yang terkandung dalam Al-Jami' Al-Sohih merupakan satu kajian yang amat mendalam dan memenuhi piawaian, sehingga ia menjadi lambang keistimewaan kitab ini berbanding dengan kitab-kitab yang serupa dengannya seperti Sohih Muslim, kerana ketinggian tahap kualiti dan kehebatan susunannya.

Lantaran itu kita dapati ia menjelaskan tentang riwayat hidup para ulama dulu dan sekarang, mereka menyusun kitab-kita berkaitan dengannya dan berusaha menjelaskan munasabah dan kesesuaiannya bagi membentangkan berbagai kemungkinan dalam menghuraikan riwayat hidup.

Dalam hubungan ini terdapat tiga buah kitab yang ditulis mengenai tajuk berkenaan sebagaimana yang disebutkan oleh Al-Mula Katib Jalabi dikenal dengan Haji⁴⁰ Khalifah dalam kitabnya yang masyhur (Kasf Al-Dzunun):

1. (Kitab Al-Mutawari 'Ala Tarajim Al-Bukhari) oleh Al-Imam Nasiruddin Ali bin Muhammad bin Al-Munir Al-Iskandarani.
2. (Turjuman Al-Tarajim) oleh Abi Abdillah Muhammad bin Umar bin Rasyid Al-Fihri (wafat 721 Hijrah).
3. (Hallu Aghradh Al-Bukhari Al-Mubhamah fi Al-Jam'i Baina Al-Hadis wa Al-Turjumah) oleh Abi Abdullah Muhammad bin Mansur bin Hamamah Al-Mughrawi Al-Sajalmasi (wafat pada tahun 370 Hijrah) dinamakan Masobih Al-Jami' iaitu mempunyai seratus riwayat hidup.

⁴⁰ Mustafa bin Abdullah Katib Jalabi dikenal dengan nama Haji Khalifah seorang ahli sejarah dan ahli kaji; dilahirkan pada 1017 di Turki dan wafat di Qastantin tahun 1067. Antara kitabnya bernama (Kasf Al-Dzunun 'an Asami Al-Kutub wa Al-Funun).

4. (Bustan Al-Muhaddisin) oleh Al-Syeikh Abdul Aziz Al-Dahlawi⁴¹ sebagai komintar kepada (Ta'liq Al-Masobih 'Ala Abwab Al-Jami' Al-Sohih) oleh Abi Abdillah Muhammad bin Abu Bakar Al-Qurasyi Al-Makhzumi Al-Iskandarani yang digelar dengan nama Badruddin dan terkenal dengan panggilan Al-Damamini.
5. (Mukhtasar Munasabat Tarajim Al-Bukhari li Ahadis Al-Bab) oleh Al-Allamah Badruddin Muhammad bin Ibrahim bin Sa'dullah bin Jamaah Al-Kannani Al-Hamawi. Cetakan Majami' Dar Al-Kutub Al-Masriah.
6. (Munasabat Tarajim Abwab Al-Bukhari li Ahadis Al-Bab) oleh Allamah Badruddin Al-Balqini (wafat pada tahun 805 Hijrah). Cetakan Dar Al-Kutub Al-Masriah baris 201.
7. (Syarah Tarajim Al-Bukhari) oleh Al-Arif Al-Rabbani Al-Imam Waliyullah Al-Dahlawi (wafat pada tahun 1176 Hijrah) cetakan di India.
8. (Al-Abwab wa Al-Tarajim li Al-Bukhari) dengan bahasa Urdu oleh Syeikh Maulana Mahmud Hasan Al-Diubandi (wafat pada tahun 1339 Hijrah). Kitab ini sampai ke bab menjawab soalan lebih banyak daripada pertanyaan, kemudian beliau wafat sebelum sempat menyempurnakan karangannya dan dicetak di India.
9. Kitab (Al-Abwab wa Al-Tarajim li Al-Bukhari) oleh Al-Muhaddis Al-Kabir Al-Syeikh Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi, dicetak sebanyak 3 jilid dan jilid ke 4 sedang dalam percetakan, keseluruhan kitab ini sebanyak 8 jilid.

Kitab di atas mengandungi kajian yang lengkap mengenai semua perkara yang ada kaitan dengan bab dan riwayat hidup Imam Al-Bukhari. Pengarang kitab di atas menjelaskan dalam kitabnya mengenai:

⁴¹ Abdul Aziz bin Ahmad bin Abdul Rahim Al-Umri Al-Faruqi digelar Siraj Al-Hindi; seorang ahli tafsir alim dalam ilmu hadis dari penduduk Delhi, India.

1. Asal usul al-Syeikh Al-Imam Al-Muhaddis Waliyullah Al-Dahlawi; dan kaedah untuk diterapkan antara bab-bab dan riwayat hidup. Manakala di dalam bab-bab tidak ada huraian mengenai riwayat hidup.
2. Perbincangan yang terdapat dalam risalah Al-Syeikh Al-Allamah Mahmud Hasan Al-Diubandi.
3. Kesan pembelajaran yang diperolehi daripada Al-Imam Al-Rabbani Al-Syeikh Maulana Rasyid Ahmad Al-Kankuhi dan Al-Muhaddis Al-Jalil Al-Syeikh Khalil Ahmad Al-Saharnafuri.
4. Pembicaraan Syarah Al-Bukhari mengenai usul dan kaedah yang dapat dikuasainya sehingga bilangan usul dan kaedah (al-kulliah) sampai 70 usul dan kaedah. Setiap kitab menghuraikan tentang kitab Al-Jami' Al-Sohih. Kitab-kitab tersebut membicarakan bab demi bab dan riwayat-riwayat menjadikan kitab ini satu kitab yang tebal sehingga menjadi insklopedia membicarakan tentang hadis. Setiap kitab yang berkaitan dengan bab dan riwayat hidup dalam Al-Jami' Al-Sohih berbeza antara satu dengan yang lain, ini menunjukkan bahan yang digunakan oleh pengarang begitu meluas dalam bidang ilmu hadis.

Perawi Kitab Sohih Al-Bukhari

Al-Hafiz dalam kitab Mukadimahnyanya menyebutkan bahawa Al-Firabri mendengar pengarang Sohih Al-Bukhari menjelaskan perawinya adalah sebanyak sembilan puluh ribu (90,000) orang, dan tidak ada seorang pun yang meriwayatkan selain daripada dirinya. Al-Hafiz menjelaskan demikian berdasarkan pengetahuannya dan kedudukan beliau terkemudian sembilan tahun daripada Abu Tholhah Mansur bin Muhammad bin Ali bin Qarinah Al-Bazdawi.

Dikalangan ulama hadis yang mendengar daripada Al-Bukhari itu seramai 5 orang perawi dan setiap orang mempunyai naskhah (kitab) sendiri, mereka ialah:

1. Abu Tholhah Mansur bin Muhammad Al-Bazdawi (wafat pada tahun 329 Hijrah). Beliau orang yang terakhir bercakap dengan Imam Al-Bukhari mengenai sohihnya sebagaimana yang dipastikan oleh Ibn Makula dan lainnya, demikian juga yang disebutkan dalam kitab Fathul Bari.
2. Hammad bin Syakir (wafat pada tahun 290 atau 311 Hijrah).
Al-Kauthari menyatakan dalam (hamisy) catatan ditepi kitabnya mengenai syarat al-A'immah oleh Al-Hazami. Mengenai Imam Al-Bukhari, katanya, kalaulah tidak ada Ibrahim bin Ma'qal Al-Nasafi dan Hammad bin Syakir Al-Hanafi nescaya hanya Ibrahim bin Muhammad bin Sufian Al-Hanafi sahaja yang mendengar daripada Muslim.
3. Ibrahim bin Ma'qal mengikut Al-Zahabi disebutkan dalam kitab Al-Tazkirah. Namanya ialah Ibrahim bin Ma'qal bin Al-Hajjaj Al-Allamah Abu Ishak Al-Nasafi. Beliau merupakan kadi di Nasaf (sebuah Bandar besar antara Jihun dan Samarkand), beliau merupakan orang yang paling alim sekali di sana, sebagai perekod sanad hadis, ahli fikah, hafiz

dan cekap memahami perbezaan pendapat ulama. Beliau (wafat pada tahun 294 Hijrah).

4. Al-Qadi Al-Husain bin Ismail Al-Mahamili (wafat pada tahun 294 atau tahun 330 Hijrah) yang berbeza pendapat antara Al-Hafiz dengan Al-Karmani dalam hal ini. Al-Suyuthi dalam kitab (Thobaqat Al-Hufaz) mengatakan beliau merupakan seorang syeikh di Baghdad dan ahli hadis, dilahirkan tahun 253 Hijrah mempunyai karangan dan himpunan kitab. Diriwayatkan dariada Da'laj dan Dar Al-Quthni bahawa beliau seorang yang dihormati, kuat berpegang agama dan amat dipercayai, menjawat jawatan kadi selama 60 tahun kemudian bersara, kuliahnya dihadiri lebih kurang sepuluh ribu pelajar dan (wafat pada tahun 330 Hijrah).
5. Al-Firabri merupakan tumpuan periwayat di zaman tersebut. Al-Hafiz dalam kitab Al-Muqadimah menjelaskan bahawa riwayat yang sampai di zaman ini dan sebelumnya ialah riwayat Muhammad bin Yusof bin Mathar bin Saleh bin Basyar Al-Firabri di Al-Yafi' Al-Jani satu perkampungan lebih kurang 3 marhallah daripada Bukhara. Al-Firabri telah mendengar daripada Imam Al-Bukhari sebanyak 2 kali, sekali di Firbari tahun 248 Hijrah dan sekali lagi di Bukhara tahun 252 Hijrah (beliau wafat pada tahun 320 Hijrah).

Al-Sam'ani⁴² dalam kitab (Amali) menjelaskan bahawa Al-Firabri dilahirkan pada tahun 231 Hijrah. Imam Al-Nawawi dalam mukadimah syarahnya mengatakan bahawa Sohih Al-Bukhari mutawatir dan lebih terkenal jika dibandingkan dengan riwayat Al-Firabri. Ada pun periwayat daripada Al-Firabri seramai 12 orang. 9 orang di dalam kitab (Fathul Bari), 2 dalam (Syarah Al-Nawawi), satu dalam (Al-Yani' Al-Janiy) dan dihuraikan tazkirahnya dalam (Mukadimah Al-Lami').

⁴² Abdul Karim bin Muhammad Al-Sam'ani Al-Marwazi seorang ahli sejarah dan ahli pelayaran. Beliau dari kalangan penghafaz hadis, suka mengembara ke serata negeri menemui para ulama dan ahli-ahli hadis untuk bertukar-tukar pengalaman dan maklumat. Beliau dilahirkan pada tahun 506 Hijrah di Muru dan wafat pada tahun 562 di sana.

Kitab Sanad (Perawi) Hadis

Beberapa buah kitab mengenai sanad ualama-ulama terkini yang masyhur dalam bidang ilmu hadis telah dicetak di percetakan Perpustakaan Al-Ma'arif di India. Antara yang telah diterbitkan ialah kitab:

1. (Al-Umam li Iqadzi Al-Humam) mengenai sanad hadis Al-Syeikh Burhanuddin Ibrahim bin Al-Hasan bin Syihabuddin Al-Karuri Al-Kurani Al-Syahzuri Al-Madani, dilahirkan pada tahun 1025 dan wafat pada tahun 1102 Hijrah.
2. (Al-Imdad) mengenai sanad hadis Al-Syeikh Jamaluddin Abdullah bin Salim Al-Basri Al-Makki dilahirkan pada 1049 Hijrah dan wafat pada tahun 1134 Hijrah.
3. (Bagyah Al-Tholibin) oleh Al-Syeikh Ahmad Al-Nakhli Al-Makki, selesai penulisan pada 27 Syawal tahun 1114 Hijrah.
4. (Qathfu Al-Thamar) oleh Al-Syeikh Soleh bin Muhammad bin Noh Al-Umri Al-Fulani Al-Madani (wafat pada tahun 1218 Hijrah).
5. (Ittihaf Al-Akabar) oleh Al-Qadi Muhammad Al-Syaukani (wafat pada tahun 1250 Hijrah).
6. (Silsilah Al-'Asjidi fi Dzikri Masyayih Al-Sanadi) oleh Al-Syeikh Al-Amir Nuwab Siddiq Hasan Khan, cetakan India.
7. (Al-Irsyad ila Muhimmat Al-Isnad) oleh Al-Syeikh Al-Imam Waliyullah Al-Dahlawi (Wafat pada tahun 1176 Hijrah) diceta beberapa kali di India.

Kitab Al-Jami' Al-Sohih karangan Imam Al-Bukhari telah diseminarkan, dibaca dan diperdengarkan kepada orang ramai buat kali pertama pada tahun 1353 Hijrah bertempat di Dar Al-Ulum Nadwah Al-Ulama Laknow, India oleh Syeikh ahli hadis

Halim 'Atho' dan sanadnya berkaitan dengan Al-Qadi Al-Syaukani melalui dua saluran.

Beliau juga mempunyai ijazah dalam semua hadis yang enam dan lainnya daripada Al-Syeikh Al-Muhaddis Muhammad Yusof Al-Banuri penulis kitab (Ma'arif Al-Sunan), lihat sanad-sanadnya dalam kitab (Nafkhah Al-'Anbar).

Beliau telah membaca kitab (Al-Jami' Al-Sohih) dan mendengar setengahnya dari awal hingga akhir dibacakan oleh Al-Allamah Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi, seorang ulama terkenal di India dan alim di zamannya, baru melakukan umrah ke Madinah Al-Muwauwarah tahun 1378 Hijrah. Beliau mempelajari hadis daripada bapanya Al-Marhum Al-Allamah Al-Muhaddis Muhammad Yahya Al-Kandahlawi pada tahun 1334 Hijrah. Kemudian beliau belajar daripada gurunya Al-Imam Al-Arif Al-Rabbani Rasyid Ahmad Al-Kankuhi diawal tahun 1313 Hijrah. Al-Imam Al-Kankuhi telah dapat membaca semua kitab yang dipelajarinya pada tahun 1265 Hijrah sebagaimana disebutkan dalam (Mukaddimah Al-Lami') dan telah diberikan ijazah oleh Al-Syeikh Abdul Ghani Al-Mujaddidi Al-Madani pada bulan Muharam tahun 1270 Hijrah.

Kitab sanad Al-Syeikh Abdul Ghani dinamakan (Al-Yani' Al-Janiy) dicetak di India. Kemudian Al-Syeikh Al-Allamah Muhammad Zakaria telah mengadakan seminar buat kali kedua pada tahun 1335 Hijrah di mana pembentangannya ialah Al-Syeikh Al-Kabir Al-Muhaddis Al-Jalil Maulana Khalil Ahmad Al-Madani pengarang kitab (Badzlu Al-Majhud fi Halli Abi Daud). Senarai sanadnya disebutkan dalam kitab (Mukaddimah Al-Lami'),

Huraian Al-Jami' Al-Sohih

Tidak terdapat sebuah kitab pun yang diterbitkan dan diletakkan di perpustakaan di peringkat antarabangsa yang begitu diambil berat atau dijaga dengan teliti dan rapi sekali seperti yang terjadi kepada kitab Al-Jami' Al-Sohih karangan Imam Al-Bukhari.

Para ulama dan para penulis begitu mengambil berat dan memberi tumpuan kepadanya dengan membuat huraian, mengeluarkan hukum-hukum, membincangkan perawi dengan membuat berbagai komintar mengenainya, menghuraikan mana yang agak asing, menjelaskan masalah l'rab (susunan bahasa) dan sebagainya. Huraian mengenainya begitu banyak dan panjang lebar sekali sehingga diungkapkan oleh pengarang (Kasfu Al-Dzanun) melebihi 82 kitab menghuraikan Al-Jami' Al-Sohih, ini selain daripada karangannya selepas kitab (Al-Kasf).

Kitab yang ditulis untuk menghurai dan memberi komintar mengenai kitab Al-Jami' Al-Sohih karangan Imam Al-Bukhari terdapat sebanyak 131 buah kitab mengikut kajian yang disebutkan dalam (Mukaddimah Al-Lami') dan mungkin lebih banyak lagi jika sekiranya dikaji secara teliti dan mendalam. Kerana tidak dapat disangkal bahawa dunia Islam terlalu luas dari apa yang dapat digambarkan oleh ahli-ahli geografi, dan sejarah Islam dalam bidang keilmuan atau ilmu pengetahuan itu lebih banyak daripada apa yang dapat ditulis oleh ahli-ahli sejarah. Ini menunjukkan masih banyak lagi perkara-perkara yang masih belum dapat dibongkar dan dikesan oleh kebanyakan ulama dan ahli sejarah hingga ke hari ini.

Di sini disebutkan sebahagian kitab-kitab yang menghuraikan kitab Al-Jami' Al-Sohih karangan Imam Al-Bukhari, antaranya:

1. (Fath Al-Bari bi Syarh Sohih Al-Bukhari) ditulis oleh Syeikh Al-Islam Al-Hafiz Ahmad bin Ali Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Mahmud bin Ahmad bin Ahmad Al-Kannani Al-'Asqolani Al-Masri Al-Syafi'i . Beliau dilahirkan di Mesir pada 13 Sya'ban pada tahun 773 Hijrah dan wafat pada 18 Zulhijjah tahun 852 Hijrah dan disemadikan di Kaherah.

Kitabnya yang masyhur ialah (Fathu Al-Bari) terdapat 13 jilid dan mukadimahnyanya disusun dalam satu jilid yang tebal dinamakan (Hadyu Al-Sari li Mukaddimati Fathi Al-Bari), di dalamnya mengandungi tujuan huraian, latar belakang pengarang, tajuk kitab, menjelaskan perawi yang penting-penting, analisa komintar yang diberikan, makna dari segi bahasa asing dan berbagai perkara lagi.

Al-Syakhawi⁴³ mengatakan bahawa (Fathu Al-Bari) mula ditulis pada awal tahun 817 Hijrah dalam bentuk catitan sahaja, kemudian ditulis dengan tulisan tangan, lalu ditokok tambah dengan bantuan murid-muridnya. Beliau mengambil masa sehari dalam seminggu berkumpul untuk membuat perbincangan dan membuat kajian di bawah seliaan Al-Syeikh Ibn Al-Khadhar sehingga selesai kitab pada awal bulan Rejab tahun 842 Hijrah selain lampiran yang diselitkan kemudiannya sebelum beliau wafat.

Kitab ini ditulis dengan tulisan tangan sebanyak 13 jilid. Selepas beliau menulis pendahuluan, beliau terus memberikan huraian dalam bentuk yang panjang lebar. Dengan satu bahan sahaja beliau dapat menulis hingga berjilid-jilid banyaknya, disebabkan beliau takut kitabnya tidak dapat disempurnakan, maka beliau membuat huraian dalam bentuk yang sederhana

⁴³ Muhammad bin Abdul Rahman bin Muhammad Al-Sakhawi, merupakan murid kepada Al-Hafiz Ibn Hajar. Beliau seorang ahli sejarah, penghujah dan pakar dalam ilmu hadis, tafsir dan sastera. Beliau banyak mengembara ke serata negeri dan beliau juga banyak menulis buku hampir 200 buah buku, yang paling masyhur ialah (Al-Dhau' Al-Lami' fi A'yani Al-Qarni Al-Tasi') dan (Al-Iklan bi Al-Taubikh Liman Dzamma Al-Tarikh). Beliau dilahirkan di Kaherah pada tahun 831 Hijrah dan wafat di Madinah Al-Munauwarah pada tahun 902 Hijrah.

sahaja iaitu pada kitab (Fathu Al-Bari) demikian juga kitab (Al-Lami').

Mengenai kitab (Kasfu Al-Dzunun) ditulisnya hingga selesai pada awal bulan Rejab tahun 842 Hijrah selain lampiran yang dimasukkan kemudian. Kitab ini juga dapat diselesaikan sebelum beliau wafat. Manakala beliau dapat menyelesaikan kitabnya, beliau telah membuat majlis jamuan besar-besaran di mana perbelanjaan kenduri tersebut mencecah 500 dinar. Majlis ini diadakan pada hari Sabtu 2 Sya'ban pada tahun itu juga di mana para hadirin di majlis tersebut ada yang beliau tidak kenali sebelumnya. Diakhir majlis ini dibicarakan ringkasan kitab ini yang dihadiri oleh ulama-ulama hadis seperti Al-Qayani, Al-Wana'i dan Al-Saad Al-Diri. Pemerintah Al-Athraf meminta kepada Al-'Asqolani penulis kitab ini untuk membuat salinan dan dibelinya dengan hara 300 dinar, dari situ kitab ini dapat disebarikan ke serata pelusuk dan rantau. Kitab ini terus mendapat sanjungan dari kalangan semua ulama hadis dulu dan masa kini dan kitab ini terus menjadi sandaran dan rujukan.

Manakala Al-Allamah Al-Qadi Al-Syaukani (wafat pada tahun 1250 Hijrah) pengarang kitab (Nail Al-Authar) diminta untuk membuat huraian mengenai kitab Sohih Al-Bukhari, beliau dengan rendah diri mengakui bahawa Ibn Hajar lebih layak didahulukan jika dibandingkan dengan beliau sambil mengatakan secara berjenaka kalau sudah ada rotan akar tidak berguna lagi.

Ibn Khaldun⁴⁴ menukil daripada gurunya dalam kitab Mukadimah Tarikhnya, mereka menjelaskan bahawa Syarah Al-Bukhari perlu dihuraikan, kerana ia menjadi tanggungjawab kepada seluruh umat Islam. Dengan terbitnya kitab Syarah Al-Bukhari oleh Ibnu Hajar, maka tanggungjawab umat Islam telah tertunai.

Kitab Syarah Sohih Al-Bukhari mengandungi 13 jilid dengan mukadimah sahaja ditulis dalam satu jilid yang tebal, ia telah

⁴⁴ Ibnu Khaldun wafat pada tahun 808 Hijrah manakala Al-Hafiz pula mula menyusun kitab Syarahnya pada tahun 817.

dicetak berulang kali di India dan Mesir, manakala cetakan yang paling cantik sekali ialah cetakan di percetakan Bulaq lama.

2. Kitab ('Umdatul-Qari fi Syarhi Al-Bukhari) ditulis oleh Al-Syeikh Al-Allamah Badruddin Mahmud bin Ahmad Al-'Aini Al-Hanafi⁴⁵ umurnya lebih muda daripada Al-Hafiz 3 tahun dan umurnya menjangkau 90 tahun.

Diakhir kitab ('Umdatul-Qari) beliau menjelaskan bahawa kitab ini mula ditulisnya pada akhir bulan Rejab tahun 820 Hijrah, di mana:

- Juzuk pertama dapat disiapkan pada 16 Zulhijah tahun 820 Hijrah.
- Juzuk kedua pula pada hari Selasa 7 Jamadil Awal tahun 821 Hijrah.
- Juzuk ketiga pada hari Jumaat 8 Jamadil Awal tahun 833 Hijrah di mana jarak antara juzuk kedua dengan juzuk ketiga hampir 12 tahun lebih.
- Manakala juzuk keempat hingga kesembilan dapat diselesaikan pada bulan Rabiul Akhir tahun 839 Hijrah.
- Berterusanlah penulisan tersebut dilakukan sehingga ke tarikh tersebut di mana jangka masa beliau menyiapkan kitabnya itu mengambil masa selama 19 tahun.

Al-Qostholani dalam mukadimah kitab Syarahnya berkata, bahawa Ibn Hajar ada sebuah kitab bernama (Intiqadh Al-l'tiradh) untuk menjawab apa yang dibangkitkan oleh Al-'Aini. Beliau telah mengkajinya tetapi kebanyakan persoalan yang dibangkitkan oleh Al-'Aini masih belum dijawab sepenuhnya. Mungkin beliau

⁴⁵ Mahmud bin Ahmad Badruddin Al-'Aini Al-Hanafi merupakan seorang ahli sejarah yang mahir dan seorang ulama hadis terkenal. Beliau berasal dari Halab Syiria, kemudian beliau menjadi seorang yang tidak disenangi oleh pemerintah Mesir lalu diberhentikan kerja lalu beliau menumpukan kepada bidang penulisan dan mengajar. Beliau dilahirkan pada tahun 762 Hijrah dan wafat pada tahun 855 Hijrah.

menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan dan mungkin beliau telah menemui Tuhannya sebelum beliau sempat menjawab persoalan yang dikemukakan kepadanya itu. Beliau juga mengarang kitab (Al-Istinshor 'Ala Al-Tho'in Al-Mi'thar) iaitu gambaran fatwa mengenai apa yang berlaku pada pembukaan Syarah Al-Bukhari oleh Al-'Allamah Al-'Aini.

3. (Irsyadu Al-Sari Ila Syarhi Sohih Al-Bukhari) oleh Syeikh Syihabuddin Ahmad bin Muhammad Al-Khathib Al-Qastholani Al-Qahiri Al-Syafi'i (wafat pada tahun 922 Hijrah).

Kitab ini merupakan ringkasan dua syarah tersebut iaitu (Fathul Bari dan Al-Umdah), kitab ini juga terkenal dengan Al-Qastholani sebagaimana penulisnya. Bukan sukar untuk mengulang kaji jika diperlukan dan juga huraian yang jelas di sisi ulama hadis untuk faedah orang ramai. Beliau telah menulis mukadimah dalam kitab ini yang menjelaskan bagaimana kedudukan hadis disegi agama dan bagaimana sikap umat Islam mengenai hadis dari segi hafazan, pengumpulan dan penyusunannya. Kitab ini telah dicetak beberapa kali.

4. (Syarah Al-Karmani). Dinamakan oleh pengarangnya dengan nama (Al-Kawakib Al-Darari Fi Syarhi Sohih Al-Bukhari). Isi kandungan syarah ini banyak dipetik oleh Al-Hafiz Ibn Hajar dan Al-'Aini di mana kedua-duanya pula diikuti oleh mereka yang kemudian. Pengarangnya, Al-'Allamah Syamsuddin Muhammad bin Yusof bin Ali bin Said Al-Karmani (wafat pada tahun 786 Hijrah).

Pengarang (Kasfu Al-Dzunun) menjelaskan bahawa (Syarah Al-'Allamah Syamsuddin Al-Karmani) merupakan syarah yang sederhana dan banyak diperkatakan orang, lengkap dengan pelbagai faedah dan menjadi penyambung kepada rangkaian kitab hadis yang sedia ada. Selesai ditulis di Mekah pada tahun 775 Hijrah.

Al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab (Al-Durar Al-Kaminah) menjelaskan, bahawa kitab tersebut merupakan satu huraian dan jawapan yang amat berguna ke atas keraguan mengenai nukilan

yang dilakukannya, kerana kandungannya tidak diambil kecuali daripada Al-Quran.

Syarah Al-Allamah Al-Karmani diambil daripada syarah yang tiga iaitu (Syarah Al-Khithobi Al-Syafi'i)⁴⁶, (Syarah Ibnu Batthol Al-Maliki)⁴⁷ dan (Syarah Mughlathoya Al-Hanafi)⁴⁸, ia telah dicetak berulang kali.

5. Syarah Al-Imam Abi Zakaria Muhyiddin Al-Nawawi Al-Syafi'i (wafat pada tahun 676 Hijrah). Dalam permulaan syarahnya beliau berkata: Sekiranya tidaklah kerana lemahnya semangat dan kurangnya keinginan untuk menulis lebih lanjut sudah tentu beliau dapat menyusun kitab ini lebih daripada seratus jilid, selain mengelakkan berlakunya pengulangan, penambahan dan gangguan, bagi menekankan faedah yang jelals dengan yang tidak jelas, pulangan yang berbaloi sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini kerana beliau lebih suka mengambil pendekatan bersederhana sahaja. Kitab ini diakhiri dengan bab iman, dengan ini tercapailah sudah apa yang dicita-citakanya dan dapat menghabiskan penulisannya. Kitab ini dicetak di Kaherah.

6. Syarah Al-Imam Abi Sulaiman Al-Khattabi (wafat pada tahun 308 Hijrah), ia merupakan sebuah karya yang indah, mengandungi idea yang seni yang indah dan terpuji. Kitab ini dinamakan (A'lam Al-Sunan) dalam beberapa jilid dan dipetik oleh Al-Karmani dalam bukunya.

7. Syarah Al-Imam Abi Hasan Ali bin Khalaf dikenal dengan Ibn Batthol Al-Maghribi Al-Maliki (wafat pada tahun 444 Hijrah).

⁴⁶ Hamad bin Muhammad Al-Basti, seorang ahli fikah dan ahli hadis. Beliau berasal dari Bast di negeri Kabil dari keturunan Zaid bin Al-Khattab saudara kandung kepada Umar bin Al-Khattab. Beliau mempunyai kitab (Ma'alim Al-Sunan) , (Syarah Al-Bukhari) dan lain-lain lagi. Beliau dilahirkan pada tahun 319 Hijrah dan wafat pada tahun 388 Hijrah.

⁴⁷ Ali bin Khalaf bin Abdul Malik bin Batthol, seorang ulama hadis berasal dari Qurthubah dan beliau mempunyai kitab (Syarah Al-Bukhari) dan wafat pada tahun 449 Hijrah.

⁴⁸ Mughlathoya bin Qalij, seorang ahli sejarah dari kalangan penghafaz hadis, mahir dari segi ilmu nasab keturunan, beliau berasal dari Turki dan banyak mengarang kitab antaranya (Syarah Al-Bukhari) dilahirkan pada tahun 698 Hijrah dan wafat pada tahun 762 Hijrah.

Kebanyakan kandungannya ialah fikah Imam Malik tanpa menyentuh tajuk kitab itu sebagaimana kebiasaannya.

8. Syarah Al-Imam Abdul Wahid ibn Al-Tin, kebanyakan orang yang dihuraikan adalah penghafaz kitab (Fathul Bari) dan kitab ini banyak digunakan sebelum tahun 900 hijrah.

9. Syarah Al-Imam Nasiruddin Ali bin Muhammad Al-Munir, iaitu satu kitab besar yang mengandungi sepuluh jilid.

10. Syarah Al-Imam Al-Hafiz 'Ala'uddin Mughalthoya bin Qalij Al-Masri Al-Hanafi (wafat pada tahun 792 Hijrah), ia sebuah kitab besar dinamakan (Al-Talwih).

11. Syarah Al-Hafiz Jalaluddin Al-Suyuthi (wafat pada tahun 911 Hijrah), ia merupakan satu kominter yang menarik dinamakan (Al-Tausyikh 'Ala Al-Jami' Al-Sohih) dan diringkaskan oleh Al-Allamah Al-Syed Ali bin Sulaiman Al-Maliki Al-Dimanti kemudian dinamakan kitab ini dengan nama (Roh Al-Tausyih) dan dicetak di Kaherah.

12. Komintar Al-Allamah Abi Hasan Al-Sindi⁴⁹ di nota kaki kitab Al-Bukhari, (wafat pada tahun 113 Hijrah) kitab ini dicetak di Kaherah.

13. (Al-Tajrid Al-Shorih Li Ahadis Al-Jami' Al-Sohih) oleh Al-Syeikh Al-Imam Zainuddin Abi Al-Abas Ahmad bin Ahmad bin Abdul Latif Al-Syarji Al-Zabidi⁵⁰ (wafat pada tahun 893 Hijrah). Banyak dibuang mana yang berulang dan disatukan mana yang berselerakan dalam satu bab, dapat diselesaikan pada bulan Sya'ban tahun 889 Hijrah dan dicetak di Kaherah. Kitab ini telah

⁴⁹ Muhammad bin Abdul Hadi Nuruddin Al-Sindi, seorang ahli fikah bermazhab Hanafi. Beliau alim dalam ilmu hadis, tafsir dan Bahasa Arab. Beliau berasal dari Send India dan menetap di Madinah Al-Munawwarah. Beliau mempunyai (Hasyiah 'Ala Sohih Al-Bukhari) dan hasyiah yang lain.

⁵⁰ Ahmad bin Ahmad terkenal dengan panggilan Al-Zabidi. Beliau seorang ahli hadis di Yaman. Beliau mempunyai kitab (Al-Tajrid Al-Sorih li Ahadis Al-Jami' Al-Sohih) iaitu ringkasan Sohih Al-Bukhari. Dilahirkan pada tahun 812 Hijrah dan wafat pada tahun 892 Hijrah.

dihuraikan oleh Syeikh Al-Islam Abdullah Al-Syarqawi⁵¹ Al-Azhari, dan disyarahkan oleh Maulana Nuwab Sidik Hasan Khan Amir Bahubal di India dalam kitab ('Aunu Al-Bari fi Halli Adillati Al-Bukhari) dalam empat jilid dan dicetak di Kaherah.

14. (Taisir Al-Qari) oleh Al-Syeikh Al-Allamah Nurulhaq Al-Dahlawi (wafat pada tahun 1073 Hijrah) ditulis dalam bahasa Parsi dan dicetak di India.

15. Ulasan yang dibuat disemua halaman oleh Al-Muhaddis Al-Kabir Maulana Ahmad Ali Al-Saharanfuri (wafat pada tahun 1297 Hijrah). Kitab ini amat berguna kepada pembaca kitab Al-Bukhari dengan membaca kitab ini dengan teliti. Ia dicetak di India.

16. (Faidhu Al-Bari) ia merupakan kuliah yang disampaikan oleh Al-Syeikh Al-Muhaddis Al-Allamah Al-Syed Muhammad Anwar Syah Al-Kasymiri (wafat pada tahun 1352 Hijrah). Nota kuliahnya dikumpulkan oleh muridnya yang prihatin bernama Maulana Badru Alam Al-Mirtahey (wafat pada tahun 1385 Hijrah) sebanyak 4 jilid tebal dan dicetak di Kaherah.

17. (Lami' Al-Darari 'Ala Jami' Al-Bukhari) oleh Al-Allamah Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi Al-Saharanfuri, kini menetap di Madinah Al-Munauwarah. Ia merupakan himpunan kuliah dan analisa Imam Al-Rabbani Rasyid Ahmad Al-Kankuhi seorang tokoh hadis dizamannya (wafat pada tahun 1323 Hijrah). Semasa mengajar Al-Jami' Al-Sohih Imam Al-Bukhari beliau dibimbing oleh anak muridnya yang bijak dan amanah iaitu Al-Syeikh Al-Allamah Muhammad Yahya Al-Kandahlawi. Beliau sezaman pengajian dengan gurunya, tajam penelitiannya, berkhidmat dalam bidang ilmu hadis begitu lama sama ada sebagai pengkaji atau sebagai pendidik. Kini sampailah giliran Al-Muhaddis Al-Allamah Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi bin Al-Allamah Muhammad Yahya membuat pembetulan dan penambahbaikan dengan

⁵¹ Abdullah bin Hijazi bin Ibrahim Al-Syahqawi Al-Azhari, beliau seorang yang alim dalam ilmu fikah dari kalangan ulama Mesir, menjawat jawatan Syeikh Al-Azhar tahun 1208 Hijrah dan mengarang beberapa kitab. Beliau dilahirkan pada tahun 1150 Hijrah dan wafat pada tahun 1227 Hijrah.

membuat huraian dan penjelasan serta kajian yang mendalam mengenai kitabnya itu. Diselitkan pula dengan jenaka yang membina dan idea yang menarik dan bernas, penelitian yang luar biasa dan penerapan ilmu yang berkualiti di mana nilainya hanya diketahui oleh mereka yang pakar dalam bidangnya dan terlibat dalam bidang ini bertahun-tahun lamanya, ditambah pula dengan pengalaman menghadapi berbagai persoalan dan permasalahan dalam masa yang panjang. Persoalan tersebut tidak terdapat jawapannya di dalam kitab yang banyak didapati di pasaran dan huraian yang masyhur dan terkini.

Kitab ini dicetak dalam 3 jilid tebal di India. Kini dicetak pula di Kaherah sebanyak 10 jilid, mukadimahanya dalam satu jilid tebal dicetak di India dan Kaherah. Mukadimahanya itu dijadikan tambahan kepada (Lami' Al-Darari) di mana ia menyatukan tajuk-tajuk dan ilmu-ilmu yang tidak tersusun dan tidak betul kedudukannya dalam kitab ini. Dengan penyusunan yang rapi dan menarik itu telah dapat memberi suatu gambaran dan penjelasan yang menarik dalam mukadimah kitab ini, di mana murid dan guru dapat menanggapi apa yang disampaikan dalam kitab ini. Pelbagai persoalan dibangkitkan dalam kitab ini diikuti dengan jawapan yang lengkap, huraian yang mantap mengenai tanda-tanda, istilah-istilah, tujuan dan penampilan sejarah latar belakang ulama, kehalusan dalam mengemukakan pandangan menjadikan ia sebuah kitab yang sempurna dan dianggap sebagai insklopedia yang hebat.

RUJUKAN

1. Irsyad Al-Sari Ila Syarh Al-Bukhari, Al-Qastholani.
2. Ithaf Al-Nubala' Al-Muttaqin bi Ihya'i Ma aathiri Al-Fuqaha'i wa Al-Muhaddisin. Amir Siddiq Hasan Khan.
3. Al-Irsyad ila Muhimmat Al-Isnad, Al-Syeikh Al-Imam Waliyullah Al-Dahlawi.
4. Abjad Al-Ulum, Amir Siddiq Hasan Khan.
5. Al-Abwab wa Al-Tarajim li Al-Bukhari, Al-Allamah Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi.
6. Al-Abwab wa Al-Tarajim, Maulana Syeikh Al-Hind Mahmud Al-Hasan.
7. Al-A'lam (kamus riwayat hidup), Khairuddin Al-Zarkali.
8. Bustan Al-Muhaddisin, Syeikh Al-Muhaddis Abdul Aziz Al-Dahlawi.
9. Al-Tarikh Al-Kabir, Imam Al-Bukhari.
10. Taujih Al-Nazar fi Usuli Ahli Al-Athar, Syeikh Tahir Al-Jazairi.
11. Tadrib Al-Rawi, Al-Suyuthi.
12. Tazkirah Al-Huffaz, Ibn Hajar Al-'Asqalani.
13. Tahzib Al-Tahzib, Al-Hafiz Ibn Hajar 'Asqalani.
14. Ta'liq Al-Sindi 'Ala Al-Jami' Al-Sohih, Imam Al-Bukhari.
15. Al-Tabarru Al-Masbuk, Al-Hafiz Al-Sakhawi.
16. Al-Thaqafah Al-Islamiah fi Al-Hindi, Maulana Abdul Haiy Al-Kahnu'i.
17. Al-Jami' Al-Sohih, Imam Al-Bukhari.
18. Al-Hitthah Bizikri Al-Shohhah Al-Sunnah, Amir Siddiq Hasan Khan.
19. Hujatullah Al-Balighah, Al-Syeikh Al-Imam Waliyullah Al-Dahlawi.

20. Husnu Al-Muhadharah fi Akhbar Misr wa Al-Kahirah, Al-Hafiz Al-Suyuthi.
21. Al-Durar Al-Kaminah fi A'yani Al-Mi'ah Al-Thaminah, Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani.
22. Dzuyul Tazkirah Al-Huffaz, Al-Allamah Al-Kauthari.
23. Ruh Al-Taasyikh 'ala Al-Jami' Al-Sohih, Al-Suyuthi.
24. Syarh Al-Jami' Al-Sohih, Al-Imam Al-Nawawi.
25. Syarah Tarajim Abwab Al-Bukhari, Al-Syeikh Waliyullah Al-Dahlawi.
26. Syurut Al-A'immah Al-Sittah, Al-Hafiz Al-Maqdisi.
27. Syurut Al-A'immah Al-Khamsah, Al-Hafiz Abi Bakr Al-Hazimi.
28. Al-Dhau' Al-Lami' fi A'yan Al-Qarn Al-Tasi', Al-Hafiz Al-Sakhawi.
29. Tobaqat Al-Huffaz, Al-Huffaz Al-Suyuthi.
30. 'Umdah Al-Qari, Al-Hafiz Badruddin Al-'Aini.
31. Faidh Al-Bari 'ala Sohih Al-Bukhari, Al-Syeikh Al-Allamah Muhammad Anwar Al-Kasymiri.
32. Fi Rihab Al-Sunnah, Dr. Muhammad Muhammad Abu Syuhbah.
33. Al-Kawakib Al-Darari, Al-Karmani.
34. Kitab Al-Ansab, Al-Sam'ani.
35. Kasyf Al-Dzunun, Al-Mula Katib Jalabi.
36. Muqadimah Al-Jami' Al-Sohih; Huda Al-Sari, Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani.
37. Muqadimah Aujaz Al-Masalik, Al-Muhaddis Al-'Allamah Al-Syeikh Muhammad Zakaria Al-Kandahlawi.
38. Miftah Al-Sa'adah, Thasy Kubra Zadah.
39. Ma Tamussu Ilaihi Al-Haajah Liman Yuridu An Yuthooli'a Sunan Ibn Majah, Maulaan Abdul Rasyid Al-Nu'mani.
40. Muqadimah Lami' Al-Darari, Al-Muhaddis Al-'Allamah Muhammad Zakaria.

41. Al-Muhaddisun Al-'Idzam, Dr. Taqiyuddin An-Nadawi Al-Madzahiri.
42. Al-Mustadrak, Al-Hakim Abi Abdullah Al-Naisaburi.
43. Nibras Al-Sari fi Athrof Al-Bukhari, Maulana Sa'id Ibn Abdul Aziz.
44. Wafayat Al-A'yan, Ibn Khallikan.
45. Hamisy Lahdzi Al-Ilhadz, Ibn Fahad.
46. Al-Yani' Al-Janiy li Asanid Al-Syeikh Abdul Ghani, Muhammad bin Yahya Al-Furnawi Al-Tarhati.